



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA : 25 MAC 2014

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 8 HINGGA 77)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING
KAWASAN : SERDANG
TARIKH : 25 MAC 2014, SELASA

SOALAN:

YB. DR. ONG KIAN MING (SERDANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kenapa Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) tidak membenarkan U-turn sebelum Plaza Tol Sungai Long (dari arah Sungai Long) di Lebuh Raya SILK memandangkan pusingan-U yang telah dibina di Lebuh Raya KESAS sebelum *exit* USJ dan di Lebuh Raya SILK sebelum Tol Bukit Kajang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pusingan-U sebelum plaza tol Sg. Long (dari arah Sg Long) di Lebuhraya SILK tidak dapat dipertimbangkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) atas faktor keselamatan. Ini kerana laluan ke plaza tol tersebut terletak di kawasan menuruni bukit dan geometri kelebaran jalan di kawasan plaza tol berkenaan juga tidak memenuhi piawaian teknikal yang ditetapkan untuk membolehkan kenderaan membuat pusingan-U dengan selamat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU]

TARIKH : 25 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan punca-punca kejatuhan harga getah dan apakah rancangan dan langkah-langkah yang Kementerian telah dan akan lakukan bagi memastikan harga getah tidak terus jatuh ke paras yang lebih rendah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata harga getah asli telah mencapai paras tertinggi, iaitu 1,348 sen sekilogram pada tahun 2011. Pada tahun tersebut, komoditi ini mencapai harga tertinggi 1,717 sen sekilogram pada 18 Februari 2011. Harga getah mulai menunjukkan trend menurun akibat dari permintaan yang lembab di pasaran antarabangsa, khususnya di negara-negara maju.

Namun begitu, kejatuhan harga yang dialami sejak bulan Februari 2011 adalah berpunca daripada ketidakseimbangan di antara kadar pertumbuhan penawaran getah asli berbanding dengan kadar pertumbuhan permintaan. Keadaan ini diburukkan lagi berikutan pertumbuhan ekonomi yang lembab di kalangan negara-negara pengguna getah asli utama dunia.

Harga getah dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuk penawaran dan permintaan, kadar pertumbuhan ekonomi dunia khususnya negara-negara pengguna getah utama. Di samping itu, ia juga dipengaruhi oleh dasar kewangan di negara-negara pengimport utama seperti China, negara Eropah dan Jepun.

Kerajaan memahami kesan penurunan harga getah kepada pekebun kecil. Sehubungan dengan itu, Kerajaan mengambil beberapa langkah bagi menstabilkan harga getah.

Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan ialah dengan mewujudkan kerjasama di kalangan tiga buah negara pengeluar utama getah iaitu, Thailand, Indonesia dan Malaysia di bawah rangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC). ITRC merupakan forum bagi membincangkan penstabilan pengeluaran getah untuk memberi impak kepada pengukuhan harga getah melalui langkah-langkah berikut:

- i. Pelaksanaan *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) untuk mengawal eksport melalui penetapan kuota. Mekanisme ini telahpun dilaksanakan mulai 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013. Pada tempoh itu, ketiga-tiga negara tersebut secara kolektif telah menghadkan pengeksportan 300,000 tan getah asli; dan
- ii. Melaksanakan *Supply Management Scheme* (SMS) sebagai satu langkah jangka masa panjang untuk mengimbangi permintaan dan penawaran dunia bagi memastikan satu paras harga yang menguntungkan. Di bawah SMS ini, ketiga-tiga negara ITRC tersebut akan dapat mengawal bekalan getah asli dunia menerusi program tanam semula dan tanaman baharu getah secara terancang.

Kerajaan akan terus memantau pergerakan harga getah supaya harga di peringkat ladang (*farmgate*) menggambarkan keadaan pasaran sebenar. Kerajaan menerusi pihak Kementerian dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) juga sedang merangka strategi untuk meningkatkan keberkesanan rangkaian pasaran antara pengilang serta dengan pekebun kecil. Ini dilakukan dengan memendekkan rangkaian pasaran sedia ada

bagi mengurangi diskaun antara harga FOB (Free On Board) dengan harga di ladang yang lebih menguntungkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SEAH LEONG PENG
[TELOK INTAN]
TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)

TUAN SEAH LEONG PENG [TELOK INTAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bagaimana program penjelasan kepada rakyat mengenai perbelanjaan berhemah berupaya membantu rakyat meminimumkan tekanan inflasi dan apakah perkembangan dan reaksi daripada pengguna hasil daripada program tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah menjalankan pelbagai program pendidikan kepenggunaan mengikut kumpulan sasaran yang terdiri daripada pra sekolah, pelajar, belia, wanita, penjawat awam dan pengguna secara umum dan berterusan. Antara skop pendidikan yang telah diberikan kepada pengguna adalah:

i) Kempen Pengguna Bijak dan Pendidikan Kepenggunaan

Konsep pengguna bijak diwujudkan untuk melahirkan masyarakat pengguna bijak, bermaklumat, proaktif dan bertanggung jawab. Kempen ini juga bertujuan untuk meningkatkan amalan penggunaan lestari dalam kehidupan seharian, bagi menjamin kesejahteraan dan kebajikan pengguna dalam era globalisasi. Penggunaan lestari menggalakkan pengguna mempunyai maklumat, bijak membuat pilihan, membuat keputusan yang tepat dan berbelanja secara berhemah.

Kementerian juga memberi pendidikan dan maklumat berkaitan implikasi negatif budaya berhutang, kesan terhadap budaya membeli-belah dan makan luar, anti pembaziran, meningkatkan kesedaran dalam aspek berjimat cermat, mengamalkan budaya mengutamakan keperluan berbanding kehendak, mendidik pengguna untuk membuat keputusan tepat dan pendidikan yang dapat memberi kesedaran serta perubahan gaya hidup pengguna.

ii) **Pelan Pemerkasaan Pendidikan Pengguna**

Pelan Pemerkasaan Pendidikan Pengguna 2014 – 2019 telah diperkenalkan selaras dengan keputusan Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup Rakyat yang bermesyuarat pada 5 Februari 2014. Dalam mesyuarat tersebut, peruntukan sebanyak RM 24.57 juta telah diluluskan bagi melaksanakan pelan ini bagi tempoh 5 tahun. Matlamat pelan berkenaan adalah untuk **meningkatkan perlindungan sendiri pengguna** selari dengan sasaran yang ingin dicapai di dalam **Pelan Induk Pengguna 2020**.

iii) **Medium Penyebaran Maklumat**

Selain itu, Kementerian juga melaksanakan sebaran maklumat melalui pelbagai medium termasuk media cetak, media elektronik, temubual di radio, media baru seperti facebook, twitter, portal 1pengguna.com, selain program turun padang yang telah sedia ada dilaksanakan. Selain itu, portal **www.1pengguna.com** menyediakan aplikasi *price watch* yang membolehkan pengguna menyemak senarai harga barang keperluan harian di kawasan masing-masing. Maklumat *price watch* dipaparkan di akhbar-akhbar utama sebagai rujukan mudah pengguna.

iv) **Kerjasama dengan NGO**

Pada masa ini Kementerian melaksanakan kerjasama dengan Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Kepenggunaan dan NGO Bukan Kepenggunaan untuk menyebarkan maklumat dan

pendidikan kepenggunaan kepada masyarakat. NGO turut bersama-sama dengan Kerajaan untuk memberikan **penjelasan kepada rakyat mengenai fakta-fakta sebenar** mengenai isu kenaikan kos sara hidup.

v) **Kerjasama Dengan Kementerian dan Agensi Kerajaan Lain**

Kementerian juga menyokong kempen-kempen yang dilaksanakan oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan lain seperti:

- a) Kempen Pemakanan Sihat - Kementerian Kesihatan Malaysia;
- b) Kempen Bumi Hijau - Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani;
- c) Kempen 3R dan kurangkan penggunaan beg plastik - Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air; dan
- d) Pengurusan Kewangan Bijak - Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Kementerian berharap melalui program-program yang telah dilaksanakan ini dapat memberi kesedaran dan meningkatkan ilmu kepenggunaan agar masyarakat lebih bersedia dan faham mengenai situasi semasa pasaran.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : SELASA, 25 MAC 2014

RUJUKAN : L5 [PR-1321-L59712]

SOALAN :

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan berapakah jumlah kemalangan pengguna berbasikal di Kuala Lumpur dan apakah dasar-dasar DBKL menggalakkan kemudahan-kemudahan yang disediakan dan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kuala Kangsar, berdasarkan statistik dari sumber *Malaysian Institute of Road Safety Research* (MIROS), didapati terdapat 1 kes kemalangan melibatkan pengguna basikal pada tahun 2012 dan 2 kes kemalangan pada tahun 2013 yang mana tidak melibatkan kes kemalangan maut.

Berkaitan dengan dasar-dasar penggunaan basikal di Bandaraya Kuala Lumpur, ia telah digariskan dalam Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 dalam Bab 4 Perhubungan dan Kebolehsampaian Bandaraya – Inisiatif Utama 4.3c iaitu membangunkan laluan dan kemudahan berbasikal. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengiktiraf aktiviti berbasikal sebagai mod pengangkutan utama merentasi Pusat Bandar yang menghubungkan kawasan *River of Life (RoL)* di Pusat Bandar ke kawasan perumahan di pinggir bandar.

DBKL juga akan membantu sektor awam dan swasta di Kuala Lumpur mewujudkan persekitaran yang menggalakkan penggunaan basikal. Ini termasuk perancangan dan pembangunan laluan basikal yang baru untuk aktiviti seperti beriadah atau perjalanan tempatan laluan basikal yang khusus atau melalui perkongsian dengan laluan pejalan kaki di Kuala Lumpur termasuklah sepanjang koridor sungai akan dikenalpasti

dan dibangunkan dengan sokongan daripada semua pihak yang berkepentingan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini DBKL telah melaksanakan berbagai program dan kemudahan untuk menggalakkan penggunaan basikal. Antaranya adalah seperti berikut :-

- 1) Membina laluan basikal di Taman Tun Dr. Ismail, Bandar Tun Razak dan Wangsa Maju dan taman-taman awam untuk tujuan riadah dan rekreasi. Walau bagaimanapun, laluan basikal di ketiga-tiga taman perumahan tersebut mendapat sambutan dingin daripada penduduk menyebabkan laluan ini dijadikan laluan pejalan kaki;
- 2) Mengadakan program KL Pagi Bebas Kereta (KL Car Free Morning) pada setiap hari Ahad pertama setiap bulan bagi tujuan sosial yang telah mendapat sambutan menggalakkan;
- 3) Menyediakan kemudahan sewaan basikal di Dataran Merdeka untuk pelancong-pelancong ke Taman Botani, Masjid Negara dan kembali ke Dataran Merdeka untuk tujuan pelancongan dan sambutannya juga sangat baik; dan

4) Merancang untuk membina laluan basikal berkongsi dengan pejalan kaki di Taman Melati menuju ke Stesen LRT Taman Melati dengan menyediakan tempat simpanan basikal bagi tujuan mod sokongan kepada mod pengangkutan awam. Ia akan menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam dan mengurangkan pergantungan kepada bas-bas perantara (Feeder Bus).

Projek ini dijangka akan memberi banyak manfaat dan akan menerima sambutan yang baik di masa hadapan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 25 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN : 12

Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULIMEDIA** menyatakan:

penggunaan kemudahan internet adalah salah satu alternatif yang baik kepada masyarakat untuk mendapatkan informasi dan maklumat terkini. Bilakah Kementerian dapat menjamin kemudahan internet berkelajuan tinggi dapat dirasai oleh rakyat di setiap daerah di seluruh negeri Kelantan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab kepada komunikasi dan maklumat penting Kerajaan, Kementerian ini mengakui bahawa internet adalah sumber utama yang digunakan oleh masyarakat pada hari ini dalam mendapatkan maklumat penting dan terkini. Justeru itu, Kerajaan

SOALAN NO: 12

pada hari ini telah mengambil pendekatan untuk sama-sama menggunakan internet dalam menyampaikan maklumat seperti di laman sosial dan sebagainya.

Bagi memastikan lebih ramai rakyat dapat menikmati kemudahan internet pelbagai inisiatif telah dijalankan di seluruh Negara dimana sehingga kini kadar penembusan internet jalur lebar Negara terus meningkat kepada 67.7% pada kadar semasa.

Antara yang dilaksanakan dalam usaha ini termasuklah peluasan kemudahan internet berkelajuan tinggi melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB). Bagi negeri Kelantan, pada masa ini pelaksanaannya telah dimulakan dengan penyediaan sambungan teras IP (IP core) yang telah siap dipasang.

Langkah seterusnya adalah kerja menaiktaraf ibusawat di Kota Bharu dan Kubang Kerian untuk peringkat pertama bagi negeri Kelantan. Penyediaan infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi ini akan di laksanakan di daerah-daerah lain juga seperti Jeli dan Pengkalan Chepa secara berperingkat dalam tempoh 3 tahun bermula tahun ini.

Selain daripada itu, di bawah Bajet 2014, pihak Kerajaan akan meningkatkan kapasiti perkhidmatan jalur lebar di kawasan pinggir bandar di seluruh Negara yang juga termasuk negeri Kelantan.

Pada masa yang sama, perkhidmatan jalur lebar talian tetap ADSL/Streamyx telah pun tersedia di kawasan-kawasan utama di negeri Kelantan yang dapat menawarkan perkhidmatan sehingga 8Mbps bergantung kepada lokasi pelanggan dari ibusawat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]

TARIKH : 25 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang matlamat penggunaan Digi cert serta apakah baik buruk kaedah tersebut.

JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam alam siber / internet, di mana transaksi dan pertukaran maklumat secara elektronik banyak dilakukan tanpa sempadan. Aktiviti yang berlaku tanpa sempadan tersebut memerlukan satu kaedah di mana keselamatan maklumat adalah sangat diperlukan.

Digi cert atau sijil digital adalah umpama satu *passport* elektronik yang bermatlamat untuk memberikan kemudahan untuk mengenal pasti individu, dan membolehkan pemegang digi cert tersebut membuat tandatangan digital semasa berurusan dalam alam siber atau internet. Penggunaan tandatangan digital adalah selaras dengan Akta Tandatangan Digital 1997.

Di Malaysia, sebagaimana *passport* yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen, digi cert atau sijil digital adalah dikeluarkan oleh pengeluar sijil digital yang sah dan telah diberi lesen oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Pada masa ini, tiga syarikat telah diberi lesen iaitu DigiCert Sdn Bhd, MSCTrustgate.com Sdn Bhd dan Telekom Applied Business Sdn Bhd.

Kebaikan daripada penggunaan sijil digital adalah ianya dapat melindungi aset maklumat terutamanya kepada Kerajaan, dengan cara-cara seperti berikut :-

(i) **Mengesahkan Identiti (*Authenticate Identity*)**

Sijil digital membolehkan pengguna-pengguna (individu), organisasi-organisasi, dan pengendali-pengendali laman web atau aplikasi Kerajaan untuk mengesahkan identiti satu sama lain.

(ii) **Mengesahkan Integriti (*Verify Integrity*)**

Sijil digital digunakan untuk memastikan mesej atau dokumen tidak diubah atau dicerobohi.

(iii) **Memastikan Privasi (*Ensure Privacy*)**

Sijil digital digunakan untuk melindungi maklumat daripada pemintasan semasa penghantaran.

(iv) **Sokongan untuk tiada Penolakan/Sangkalan (*Support for Non Repudiation*)**

Sijil digital membolehkan pelaksanaan tandatangan digital bagi mengesahkan identiti pengguna, membuat ia hampir mustahil untuk kemudian menolak/penyangkalan.

Keburukan penggunaan sijil digital adalah seperti berikut :-

(i) **Kos**

Pengeluaran sijil digital oleh pihak ketiga akan melibatkan kos yang perlu ditanggung oleh Kerajaan. Kos ini melibatkan perolehan baharu dan perolehan pembaharuan bagi menggantikan sijil digital yang telah rosak , hilang dan tamat tempoh.

(ii) **Perubahan Teknologi**

Perubahan teknologi mungkin berlaku dan memerlukan sistem pengeluaran sijil digital dinaiktaraf dan akan melibatkan perubahan infrastruktur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : SELASA, 25 MAC 2014

RUJUKAN : L4 [PR-1321-L59697]

SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan berkenaan River of Life, bilakah projek ini akan selesai dan apakah status Kampung Puah Seberang.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, soalan ini pernah dijawab oleh Kementerian Wilayah Persekutuan melalui pertanyaan bukan jawab lisan no. 492 pada sesi sidang Dewan Rakyat di Mesyuarat Pertama Tahun 2013 yang lalu. Walau bagaimanapun, saya akan tetap menjawab dan menjelaskan mengenai isu *River of Life* ini.

Program Kerja *River of Life*

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Projek *River of Life* (*RoL*) (dengan izin) atau dikenali sebagai Sungai Nadi Kehidupan adalah projek di bawah *NKEA, Greater Kuala Lumpur / Klang Valley* di bawah *EPP 5*. Ia bertujuan untuk mencapai tahap kualiti air sungai kelas IIB menjelang 2020 dan meningkatkan nilai tanah serta kualiti pembangunan di sepanjang sungai di Kuala Lumpur.

Projek *RoL* dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2020 dan pada masa ini projek *RoL* telah mencatat kemajuan keseluruhan sebanyak 29 peratus.

Projek *River of Life* terbahagi kepada tiga (3) komponen iaitu :-

- a) Pembersihan Sungai;
- b) Pengindahan Sungai; dan
- c) Pembangunan Tanah.

Untuk **komponen Pembersihan Sungai**, projek-projek seperti pemasangan perangkap sampah, menaiktaraf kolam tadahan banjir, menaiktaraf loji rawatan pembentungan sebagainya adalah di bawah kawalan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) yang melibatkan 26 agensi lain. Sehingga 24 Mac 2014, sejumlah 16 daripada 55 projek telah berjaya disiapkan dan menjangkakan sejumlah 14 projek dapat disiapkan pada akhir 2014 dan bakinya akan siap sepenuhnya pada tahun 2019.

Seterusnya, **Projek Pengindahan Sungai** telah dimulakan dengan penyediaan *RoL Master Plan*. Pelan ini telah hampir siap dan di dalam proses untuk mengadakan *public engagement* yang terakhir di dalam bulan Jun 2014.

- 1) **Projek Pengindahan Sungai Fasa 1 (Precint 7)** iaitu di kawasan sepanjang sungai di sekitar Masjid Jamek sehingga ke Daya Bumi dijangka akan bermula pada April 2014 dan dijangka siap pada Disember 2016.

- 2) Bagi **Pengindahan Sungai Fasa 2** pula, penyediaan pelan lukisan terperinci baginya telah pun dimulakan pada 1 Jun 2013. Kerja pembinaan akan bermula dalam bulan Mac 2015 dan keseluruhan kerja dijangka siap pada Jun 2017.

Bagi **komponen Pembangunan Tanah**, *Land Development Taskforce (LDTF)* Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam proses untuk memilih dan melantik penilai tempatan yang bertauliah untuk membuat penilaian ke atas tanah-tanah kerajaan yang terlibat dengan projek *River of Life (RoL)* bagi memastikan kerajaan akan mendapat pulangan yang maksimum ke atas tanah-tanah tersebut. Mesyuarat bagi membuat penilaian ke atas syarikat penilai tempatan ini telah diadakan pada 19 Mac 2014 dan sejumlah 4 syarikat telah mengambil bahagian dalam proses penilaian tersebut.

Status Kampung Puah Seberang

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, terdapat 2 pakej projek Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) di bawah projek *River of Life (RoL)* bagi komponen pembersihan Sungai iaitu Sungai Gombak Pakej 1 dan Kolam Takungan Banjir Puah 1 yang dilaksanakan di Kampung Puah Seberang melibatkan 14.29 ekar

tanah rizab perkuburan Islam No. Lot 30022 Mukim Setapak, Kuala Lumpur milik JAWI.

Seperti mana yang pernah dimaklumkan sebelum ini, siasatan yang telah dibuat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan mengenai pendudukan di Kampung Puah Seberang mendapati bahawa **kawasan yang diduduki merupakan tanah rizab kubur, milik Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)**. Sehubungan itu, perkampungan tersebut **merupakan perkampungan setingan.**

Berdasarkan rekod bancian yang dilaksanakan oleh DBKL mendapati terdapat 17 buah setingan kediaman masih yang belum berpindah di Kg. Puah Seberang di bawah projek ROL ini. Beberapa siri perjumpaan telah diadakan bersama setingan yang terlibat dan kali terakhir perbincangan dibuat adalah pada 31 Oktober 2013 dengan dihadiri oleh wakil setingan.

Bagi pelaksanaan projek Sungai Gombak Pakej 1, penduduk Kampung Puah Seberang yang terlibat terutama yang berada di kawasan rizab sungai telahpun ditawarkan Projek Perumahan Rakyat (PPR) oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Walau bagaimanapun, setingan terlibat masih belum berpindah dari kawasan ini.

Manakala bagi pelaksanaan projek Kolam Takungan Banjir Puah 1, pihak JAWI sudah mengeluarkan memberi pelepasan ke atas tanah terlibat dengan pembatalan rizab kubur seluas 3.2814 ekar kepada projek *ROL* di bawah seliaan JPS. Pembinaan kolam takungan banjir ini perlu bagi tujuan tebatan banjir (*flood mitigation*) di kawasan hilir iaitu pusat bandar.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]
TARIKH : 25 MAC 2014 (SELASA)
SOALAN : Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah langkah kawalan dibuat supaya tidak berlaku ketirisan dalam pengagihan subsidi diesel dan elaun sara hidup nelayan yang menyebabkan nelayan yang telah menerima bantuan berkenaan tiba-tiba hilang kelayakan atau tidak menerima bantuan dalam bulan-bulan tertentu sedangkan status mereka kekal dan sama seperti sebelumnya.

JAWAPAN OLEH : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Perlaksanaan pemberian minyak subsidi Diesel telah bermula sejak tahun 2006. Sehingga bulan Disember 2013, sejumlah 7.7 billion liter diesel dengan jumlah subsidi Kerajaan bernilai RM11.1 Billion telah disalurkan kepada nelayan.

Kementerian Pertanian Malaysia dan Industri Asas Tani melalui LKIM menggunakan satu kaedah bagi memantau penggunaan minyak bersubsidi, dimana semua vesel yang ingin membeli minyak diesel subsidi perlu terlebih dahulu mengisytiharkan hasil pendaratan ikan mereka kepada LKIM melalui pusat-pusat e-pengisytiharan. Melalui pengisytiharan ini LKIM boleh memantau samada sesebuah vesel yang membeli minyak tersebut beroperasi atau tidak kelaut. Pemantauan skim ini termasuk penyelewengan melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti APMM, KPDNKK, SPRM dan Jabatan Perikanan Malaysia.

Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah penyelewengan subsidi diesel adalah seperti berikut:

- i. Penubuhan satu Jawatankuasa bagi pemantauan subsidi diesel diperingkat LKIM melibatkan LKIM Negeri, Persatuan Nelayan Kawasan dan Bahagian Penguatkuasa LKIM.
- ii. Penubuhan jawatankuasa pemantauan subsidi diesel peringkat agensi dibawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melibatkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).
- iii. Dengan penyelarasan antara Jabatan dan Agensi termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rauah Malaysia (SPRM), tindakan menyenaraihitam kad nelayan dibuat bagi memastikan nelayan tersebut tidak mendapat kemudahan bantuan subsidi diesel.

LKIM juga telah membangunkan Sistem e-Nelayan *subsidy Management* dan Sistem e-Pengisytiharan yang digunakan bagi memantau setiap pembelian minyak subsidi dan pendaratan ikan oleh nelayan bagi tujuan kelayakan untuk menerima bayaran Elaun Sara Hidup. Aktiviti pemutihan juga dibuat melalui sistem ini dimana LKIM dari masa kesemasa akan memastikan status nelayan dikemaskini, antara aktiviti pemutihan yang dibuat melibatkan:

- i. Keaktifan Nelayan kelaut,
- ii. Pertukaran pekerja atas bot,
- iii. Pertukaran pemilik bot,

Para nelayan yang tidak lagi aktif kelaut boleh dibekukan pembayaran Elaun Sara Hidup sehingga siasatan dibuat. Manakala pertukaran pekerja dan pertukaran pemilik bot juga akan menyebabkan pemberhentian pembayaran Elaun Sara Hidup sehingga pendaftaran baru dibuat.

Walaupun bagaimanapun nelayan yang menghadapi masalah boleh membuat aduan atau mengemukakan rayuan kepada LKIM untuk dipertimbangkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
TARIKH : 25.03.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci perkembangan terkini pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) oleh Kerajaan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Unified Examination Certificate (UEC) bukanlah persijilan peperiksaan yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Oleh yang demikian, sijil UEC yang dianugerahkan dalam pendidikan di Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tidak diiktiraf oleh kerajaan.

Namun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **Surat Pekeliling KP (JPS) 5181/01/02/Jld.3(6)** bertarikh 19 Mac 2004 (SURAT PEKILILING KETUA PENDAFTAR IPTS, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BIL.2/2004) mengenai kelayakan dan kedudukan *Unified Examination Certificate* (UEC) menyatakan "Kementerian Pendidikan memutuskan bahawa kelulusan Sijil UEC diiktiraf sebagai kelayakan masuk IPTS tetapi tidak boleh diterima untuk kemasukan ke IPTA termasuk Kolej Tuanku Abdul Rahman dan program-program IPTS yang difrancais daripada IPTA".

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman
[Tanjung Manis]**

TARIKH : **25.3.2014**

SOALAN :

Y.B. Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjung Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian dapat meluluskan peruntukan untuk membaik pulih atau membina baru sekolah-sekolah rendah yang amat uzur di kawasan Parlimen Tanjung Manis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan semua kemudahan di sekolah-sekolah sedia ada di bawah KPM berada dalam keadaan baik. Dalam hal ini, KPM akan memantau menerusi saluran Jabatan Pendidikan Negeri dan aduan daripada mana-mana pihak. Berhubung dengan isu membaik pulih atau membina baru sekolah-sekolah rendah yang amat uzur di kawasan Parlimen Tanjung Manis, sehingga kini, Kementerian tidak menerima permohonan berkaitan perkara tersebut. Sehubungan dengan itu, Kementerian akan meneliti perkara ini dengan lebih lanjut dan akan memasukkannya ke dalam permohonan *Rolling Plan* akan datang sekiranya terdapat justifikasi yang kukuh.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
KAWASAN : BATU KAWAN
TARIKH : 25 MAC 2014, SELASA

SOALAN:

YB. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO (BATU KAWAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kos keseluruhan Jambatan Kedua Pulau Pinang, pecahan kos tersebut, jumlah tol serta jangka masa kutipan, nama syarikat konsesi dan jumlah yang diserap oleh kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Jambatan Kedua Pulau Pinang) dibina menerusi konsep penswastaaan secara bina-kendali-pindah (BOT).

Projek ini dilaksanakan oleh syarikat konsesi Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB), iaitu syarikat milik penuh Kerajaan di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Tempoh konsesi jambatan ini ialah selama 45 tahun dan akan tamat pada 7 November 2053. Manakala kos pembinaan jambatan ini ialah sebanyak RM4.5 bilion, melibatkan 3 pakej utama berikut:

1. Pakej 1 – *Main Navigation Span And Substructure And Foundation Works Of Approach Spans*– RM 2.2 bilion;
2. Pakej 2 – *Superstructure Of Approach Spans*– RM 1.55 bilion; dan
3. Pakej 3 – *Land Expressway*– RM 750 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengumuman mengenai kadar tol yang akan dikenakan kepada pengguna jambatan ini akan diumumkan dalam masa yang terdekat.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO
MICHAEL TOYAD ABDULLAH [MUKAH]**

TARIKH : 25 MAC 2014

RUJUKAN : 6552

SOALAN:

Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah untuk meningkatkan lagi bilangan anggota polis di daerah Mukah dan Dalat memandangkan pada masa kini tidak mencukupi.

(2) IPD DALAT

PERJAWATAN	KEKUATAN	KELUASAN	PENDUDUK	STATISTIK KES JENAYAH	TEMPAT MENARIK PERHATIAN
128	75	1405.06 KM PERSEGI	38,259 ORANG	TAHUN 2011=26 KES TAHUN 2012=20 KES TAHUN 2013=18 KES	<ol style="list-style-type: none">1. KPG TEH, OYA (KPG HALAMAN DATUK HAJAH FATIMAH ABDULLAH)2. KILANG SAGO (4 BUAH)3. LADANG KELAPA SAWIT4. LADANG RUMBIA5. TEBINGAN SUNGAI DALAT (WATERFRONT)6. PEKAN SABTU OYA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 25 MAC 2014

SOALAN :

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia bermuzakarah bagi kepentingan rakyat dan negara, mencari titik pertemuan bagi menyelesaikan beberapa masalah genting negara, seperti bebanan hutang negara yang meruncingkan; bebanan rakyat disebabkan kenaikan harga barangan asas; ketegangan antara kaum dan agama; keketaraan jurang perbezaan hasil pendapatan antara yang kaya dengan yang miskin, dan lain-lain isu nasional yang mendesak.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Dewan, Kerajaan telah berusaha sedaya mungkin dalam membina hubungan baik dengan semua pihak dan golongan, termasuklah negeri-negeri yang dikuasai oleh parti pembangkang. Sebagai contoh, Kerajaan Pusat telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar dan pimpinan Kerajaan negeri Kelantan, bagi merintis jalinan kerjasama dalam usaha membangun dan memajukan negeri tersebut.

Kerajaan Pusat juga telah mengadakan Memorandum Persefahaman atau MOU untuk penstrukturan semula industri air, yang ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Selangor dalam menyelesaikan isu air yang telah berlanjutan sejak 2008 lagi, demi kepentingan rakyat dan kemajuan bersama. Malah baru-baru ini, Kerajaan telah merasmikan projek jambatan kedua Pulau Pinang, yang kemudiannya diumumkan sebagai Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Inisiatif ini yang dimulakan oleh Kerajaan Persekutuan, walaupun negeri Pulau Pinang ditadbir oleh pembangkang.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Pusat terbuka bagi mengadakan rundingan dengan mana-mana pihak selagi ia diadakan untuk kepentingan masyarakat dan bukan bagi keuntungan individu semata-mata.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]
TARIKH : 25.3.2014
SOALAN :

Y.B. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) statistik terkini jumlah guru yang memohon pertukaran tempat mengajar dan jumlah guru yang berjaya bertukar; dan
- (b) apakah kriteria yang diambil kira oleh pihak Kementerian di dalam meluluskan permohonan pertukaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah permohonan pertukaran guru untuk sesi Januari 2014 adalah seramai 10,413 orang (sekolah menengah) dan seramai 11,819 orang (sekolah rendah). Daripada jumlah tersebut permohonan yang telah di luluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah seramai 3,310 orang (31.8%) bagi sekolah menengah dan seramai 4,177 orang guru (35.5%) bagi sekolah rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria pertukaran guru digubal selaras dengan syarat-syarat asas pertukaran kakitangan awam seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 3 Tahun 1975 - Panduan Bagi Pertukaran Guru-Guru, iaitu:

A. Kriteria pertukaran guru yang diambil kira iaitu:

- i. Keperluan perkhidmatan
- ii. Kekosongan jawatan di negeri yang dipohon dan
- iii. Keperluan opsyen/ mata pelajaran di negeri yang dipohon
- iv. Faktor-Faktor Yang Perlu Diambil kira Dalam Menguruskan Pertukaran

B. Faktor-faktor Lain Yang Diambil kira Dalam Menguruskan Pertukaran Guru

- i. Peruntukan kewangan tahun semasa.
- ii. Pembahagian guru-guru terlatih dan berpengalaman yang saksama antara;
 - a. sekolah di luar bandar dan di dalam bandar dalam negeri berkenaan; dan
 - b. sekolah-sekolah dalam kawasan atau bandar yang sama.
- iii. Pembahagian guru-guru lelaki dan wanita yang munasabah di sekolah-sekolah di dalam kawasan yang sama terutamanya dalam bandar-bandar besar.
- iv. Tempoh perkhidmatan di sesebuah sekolah/kawasan atau negeri yang tertentu.
- v. Ikut pasangan .
- vi. Kes kesihatan yang kronik (perlu kemukakan surat pengesahan doktor pakar hospital kerajaan).
- vii. Ancaman keselamatan (perlu kemukakan laporan hasil siasatan polis).
- viii. Lain-lain kes (perlu kemukakan bukti).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW

[SIBU]

TARIKH : 25 MAC 2014

SOALAN :

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah sebenar perbelanjaan PRK Kajang dan Balingian. Senaraikan perbelanjaan SPR di setiap Pilihan Raya Kecil sejak Mac 2008. Mengapakah peningkatan perbelanjaan PRK Kajang dan Balingian begitu mendadak berbanding dengan PRK lalu.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 20 Pilihan Raya Kecil (PRK) telah diadakan sejak tahun 2008. Dalam melaksanakan PRK, ia melibatkan perbelanjaan kewangan bagi menampung setiap kos perbelanjaan dan perkhidmatan yang digunakan untuk setiap pilihan raya kecil yang dijalankan. Ini kerana peruntukan perbelanjaan tersebut disediakan dengan mengambil kira keperluan-keperluan seperti kos latihan kepada petugas-petugas pilihan raya, bayaran lebih masa kepada para petugas, bayaran sewa, bahan-bahan makanan, bekalan bahan mentah, bekalan pejabat, pengangkutan, bayaran honorarium serta perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain. Jumlah perbelanjaan bagi setiap PRK adalah tidak sama dan ia adalah berbeza bergantung pada jumlah pengundi, petugas SPR, pusat mengundi, saluran mengundi dan keluasan bahagian pilihan raya PRK tersebut.

Semua perbelanjaan yang dibuat bagi melaksanakan pilihan raya kecil adalah dipastikan mematuhi segala peraturan dan tatacara kewangan semasa yang berkuatkuasa.

Tarikh akhir bagi mengemukakan soalan lisan parlimen adalah pada 17 Februari 2014 dan notis kekosongan bagi kerusi Dewan Undangan Negeri N.51 Balingian secara rasminya diterima SPR pada 28 Februari 2014. Jesteru itu, mengambil kira tarikh-tarikh yang dinyatakan, soalan berkaitan perbelanjaan Pilihan Raya Kecil DUN Balingian adalah tidak

relevan kerana selagi notis kekosongan tidak dikemukakan Speaker, ianya adalah spekulasi semata-mata. Walau bagaimanapun, bagi menjawab isu yang dibangkitkan, seperti yang dinyatakan sebelum ini, jumlah perbelanjaan bagi setiap PRK adalah tidak sama dan ia adalah berbeza bergantung pada jumlah pengundi, petugas SPR, pusat mengundi, saluran mengundi dan keluasan bahagian pilihan raya berkenaan. Apa yang paling penting sekali, semua perbelanjaan yang dibuat bagi melaksanakan pilihan raya kecil adalah dipastikan mematuhi segala peraturan dan tatacara kewangan semasa yang berkuatkuasa.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM

KAWASAN : KUALA SELANGOR

TARIKH : 25.03.2014

NO. SOALAN : 23

YB Dato' Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]
minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

- a) apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan bakal dilaksanakan Kementerian untuk mengumpul atau mendapatkan pandangan, maklum balas dan input rakyat serta pihak-pihak berkepentingan lain berkenaan dengan TPPA; dan
- b) sejauh manakah pemahaman rakyat sehingga kini mengenai inti pati dan kandungan TPPA dan adakah perjanjian TPPA akan dimuktamadkan semasa kehadiran Presiden Amerika Syarikat ke Malaysia pada bulan April 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman, sebanyak 56 sesi konsultasi berkaitan TPPA telah diadakan sepanjang tahun 2013 bagi menerangkan kepada orang ramai dan golongan tertentu seperti NGO, badan-badan professional, ahli akademik dan agensi mengenai status rundingan TPPA dan bagi mendapatkan input-input untuk membantu Kerajaan dalam rundingan. Konsultasi tersebut bukan sahaja dianjurkan oleh MITI tetapi juga oleh Kementerian-Kementerian dan Agensi-Ageni lain serta Dewan-Dewan Perniagaan dan NGO yang turut melibatkan penyertaan MITI. Sehingga kini, isu-isu yang berbangkit telah diperjelaskan sebaik mungkin agar pihak berkepentingan dapat memahami isu-isu yang menjadi kebimbangan mereka dan juga pendirian Kerajaan dalam menangani isu-isu tersebut. Kerajaan akan terus mengadakan sesi konsultasi ini dari masa ke semasa.

Secara am, pemahaman rakyat mengenai inti pati dan kandungan TPPA semakin meningkat dengan pelaksanaan sesi konsultasi ini. Selain daripada itu MITI juga telah menyampaikan maklumat mengenai TPPA di laman

sesawang, media massa dan media sosial serta melalui bahan-bahan penerbitan yang berkaitan.

Sehingga kini, masih banyak lagi isu-isu utama rundingan TPP yang tertunggak dan belum mendapat persetujuan ahli-ahli TPP. Adalah sukar rundingan tersebut dapat dimuktamadkan semasa kehadiran Presiden Amerika Syarikat ke Malaysia pada bulan April 2014.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 25 MAC 2014

SOALAN :

YB. Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan

- a) jumlah Pusat Maklumat Pelancong (*Tourist Information Booth*) yang ada menurut pecahan tiap-tiap negeri di Malaysia dan waktu operasinya; dan
- b) sama ada pihak Kementerian ada menggunakan khidmat Konsultasi daripada bukan warganegara Malaysia dalam usaha meningkatkan kehadiran pelancong ke Malaysia.

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Tourism Malaysia mempunyai 24 Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) di seluruh negara yang bertindak untuk menyampaikan maklumat berhubung tempat-tempat dan aktiviti pelancongan yang ada kepada pelancong asing dan tempatan. Pecahan jumlah TIC mengikut negeri adalah seperti berikut:

- Kedah - 4 buah TIC
- Pulau Pinang - 2 buah TIC
- Perak - 1 buah TIC
- Kuala Lumpur - 3 buah TIC
- Selangor - 3 buah TIC
- Negeri Sembilan - 1 buah TIC
- Melaka - 1 buah TIC
- Johor - 4 buah TIC
- Terengganu - 1 buah TIC
- Sarawak - 1 buah TIC
- Sabah - 2 buah TIC
- Wilayah Persekutuan Labuan - 1 buah TIC

Waktu operasi setiap pusat penerangan pelancong (TIC) Tourism Malaysia adalah seperti berikut:-

Negeri	Lokasi TIC	Waktu operasi
Kedah	Bukit Kayu Hitam	Isnin – Ahad : 9 pagi – 5 petang
	Kuah	
	Jeti Kuah	
	Lapangan Terbang Antarabangsa (LTA) Langkawi	Isnin – Ahad : 9 pagi – 11 malam
Pulau Pinang	LTA Pulau Pinang	Isnin – Ahad : 7 pagi – 10 malam
	Georgetown	Isnin – Jumaat : 8 pagi – 5 petang
Perak	Lumut	Isnin – Ahad : 9 pagi – 5.30 petang
Kuala Lumpur	KL Sentral	Isnin – Ahad : 9 pagi – 6 petang
	Bangunan Sultan Abdul Samad	
	MATIC	Isnin – Ahad : 8 pagi – 10 malam
Selangor	KLIA	Isnin – Ahad : 7 pagi – 11 malam
	LCCT	Isnin – Ahad : 7.30 pagi – 11.30 malam
	Meet & Greet (KLIA)	Isnin – Ahad : 9 pagi – 6 petang
Negeri Sembilan	R&R Seremban – Port Dickson	Isnin – Jumaat : 10 pagi – 5 petang Sabtu – Ahad : 9 pagi – 6 petang
Melaka	Jalan Kota	Isnin – Jumaat : 8 pagi – 6 petang Sabtu – Ahad : 9 pagi – 6 petang
Johor	Bangunan Sultan Iskandar	Isnin – Ahad : 9 pagi – 6 petang
	JB Sentral	Isnin – Ahad : 9 pagi – 6 petang
	Johor Premium Outlets	Isnin – Ahad : 10 pagi – 7 malam
	Tanjung Belungkor	Rabu – Ahad : 9 pagi – 6 petang
Terengganu	Kuala Besut	Ahad – Rabu : 8 pagi – 5 petang Khamis : 8 pagi – 3.30 pagi
Sarawak	LTA Kuching	Isnin – Ahad : 8 pagi – 9 malam

Sabah	Terminal 1, LTA Kota Kinabalu	Isnin – Ahad : 8 pagi – 9 malam
	Terminal 2, LTA Kota Kinabalu	Isnin – Ahad : 8 pagi – 9.30 malam
WP Labuan	Labuan	Isnin – Jumaat : 8 pagi – 5 petang Sabtu : 9 pagi – 3 petang

b) Tourism Malaysia ada melantik agensi perhubungan awam di 15 negara bagi membantu serta menyokong usaha-usaha promosi dan publisiti yang dijalankan oleh pejabat-pejabat Tourism Malaysia Luar Negara. Negara-negara tersebut adalah seperti berikut:

- | | |
|--------------------------------|--|
| 1. Amerika Syarikat | 9. Jepun |
| 2. Australia | 10. New Zealand |
| 3. China | 11. Perancis (merangkumi
Sepanyol & Portugal) |
| 4. Hong Kong | 12. Switzerland |
| 5. India | 13. Taiwan |
| 6. Itali | 14. The Netherlands |
| 7. Jerman (merangkumi Austria) | 15. Thailand (merangkumi
Myanmar) |
| 8. United Kingdom | |

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

TARIKH : 25 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN : 25

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah kadar penembusan jalur lebar di kawasan luar bandar buat masa kini dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan supaya penembusan ini dapat memberi manfaat kepada penduduk luar bandar terutama kawasan-kawasan yang tidak memberi keuntungan kepada syarikat-syarikat pengendali telekomunikasi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga pertengahan Februari 2014, purata kadar penembusan jalur lebar di seluruh Negara adalah 67.1%. Berdasarkan hasil kaji selidik yang dibuat oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk tahun 2011, peratusan pengguna internet isi rumah mengikut kawasan adalah 17.8% di luar bandar dan selebihnya di bandar.

Dengan kadar penembusan jalur lebar yang meluas di kawasan luar bandar, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai promosi dan penggalakan bagi penggunaan jalur lebar dan telah memberikan hasil seperti berikut:

1. Peningkatan sosio ekonomi rakyat apabila telah ramai usahawan atas talian telah diwujudkan seperti pengusaha rumpai laut di Kunak Sabah yang menerima pelbagai anugerah di peringkat antarabangsa. Dengan penggunaan kemudahan jalur lebar, dijangkakan produktiviti dapat ditingkatkan sehingga 10% manakala jumlah eksport meningkat sebanyak dua kali ganda;
2. Merapatkan jurang digital di antara penduduk luar bandar dan bandar. Hari ini penduduk luar bandar juga sudah menikmati perkhidmatan jalur lebar; dan
3. Perniagaan atas talian sudah dapat digunakan oleh penduduk luar bandar dengan kemudahan jalur lebar bagi memasarkan produk mereka melalui laman web. Kerajaan juga telah memberikan bantuan sebanyak RM1000 melalui program *Get Malaysian Business Online* (GMBO) bagi setiap usahawan SME yang menggunakan perniagaan atas talian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
(KLUANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.03.2014

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan senarai suntikan modal dan peminjaman bon untuk 1MDB dan pelaburan 1MDB dalam bentuk jadual berserta sumber-sumber suntikan modal, pelaburan dan program/projek 1MDB dari tahun 2009 sehingga 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 1MDB kini dalam proses menyediakan penyata tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac

2013.

1MDB dijangka akan memfailkan akaun yang diaudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013 mengikut tempoh pelanjutan yang telah dibenarkan oleh SSM iaitu sehingga 31 Mac 2014. Penyata akaun ini akan mengambil kira penyatuan (*consolidation*) akaun beberapa buah anak syarikat yang baru dengan aset yang besar di seluruh dunia ke dalam Kumpulan 1MDB.

1MDB telah memenuhi obligasi jadual pembiayaan kewangannya dengan baik. Kedudukan kewangan 1MDB tetap kukuh, disokong oleh aset-aset strategik yang mempunyai rekod prestasi yang baik di samping mempunyai peluang pertumbuhan yang utuh seperti aset *Independent Power Producers* (IPP) dan aset hartanah strategiknya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, 1MDB membuat pinjaman dan menerbitkan bon untuk mendapatkan dana bagi memajukan

projek-projeknya. Terimaan daripada terbitan bon-bon 1MDB ini digunakan untuk membiayai operasi syarikat, termasuklah bagi pembelian syarikat stesen janakuasa elektrik dan pembangunan projek hartanah strategik.

1MDB menerajui projek jangka panjang untuk meneroka peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai pelanggan yang tinggi dan berinovasi. Antara pelaburan yang sedang dijalankan 1MDB adalah seperti berikut:

i. Tun Razak Exchange

Tun Razak Exchange direka bentuk bagi memenuhi keperluan masa depan, sebagai contoh, pembangunan Pusat Kewangan Antarabangsa Tun Razak Exchange, yang dikenalpasti oleh Kerajaan Malaysia sebagai *Early Entry Point* dalam Program Transformasi Ekonomi untuk mencapai lebih dua kali ganda pendapatan per kapita menjelang tahun 2020.

ii. Pembangunan Semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur Kepada Bandar Malaysia

Projek pembangunan bersepadu ini adalah untuk memajukan semula tanah Lapangan Terbang Sungai Besi yang akan menjadi ikon kepada kelestarian kehidupan di bandar Kuala Lumpur. Sebahagian daripada projek ini diperuntukkan untuk Projek Perumahan Mampu Milik khusus kepada kumpulan eksekutif muda yang bekerja di kawasan bandar.

iii. **Sektor Tenaga**

Pembelian aset-aset tenaga Tanjong Energy Holdings dan Genting Sanyen telah dilakukan pada tahun 2012 manakala Jimah Energy Ventures Sdn Bhd pada tahun 2013.

Sebagai syarikat hibrid milik kerajaan, 1MDB boleh memanfaatkan perkongsian awam-swasta dinamik bagi mengukuhkan lagi bekalan tenaga dengan mewujudkan pasaran yang lebih kompetitif seperti yang disarankan dalam Dasar Tenaga Baru.

SOALAN NO: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK HAJI NASRUN BIN DATU MANSUR

TARIKH: 25 MAC 2014

SOALAN:

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan melalui Pelan Induk Latihan dan Pembangunan pekerjaan Malaysia 2008-2020, Malaysia mensasarkan 50 peratus pekerja mahir daripada keseluruhan jumlah pekerja menjelang 2020. Apakah Inisiatif Kementerian agar pembaziran yang menganggur hari ini dapat diberi ruang pekerjaan sekaligus meningkatkan sasaran 50 peratus pekerja mahir menjelang tahun 2020.

PR-1321-L61039

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah menetapkan sasaran 50% pekerja mahir daripada keseluruhan jumlah pekerja menjelang tahun 2020. Justeru, selain daripada kuantiti tenaga mahir yang akan dikeluarkan, Jabatan Pembangunan

Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) turut menitikberatkan keberkesanan latihan serta keupayaan graduan latihan mendapat pekerjaan selepas tamat latihan. Antara langkah-langkah yang dipraktikkan adalah:

i) Program Kemahiran Bersandar Kepada NOSS

Program latihan yang ditawarkan oleh PB JPK ini adalah berdasarkan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang mana ianya dibangunkan oleh industri dengan kerjasama JPK. Justeru, graduan daripada Pusat bertauliah JPK mempunyai pasaran kerja yang tinggi dalam bidang masing-masing disebabkan standard yang digunapakai telah memenuhi piawaian mengikut bidang dan tahap kemahiran di industri.

ii) Jaminan Kualiti

Bagi menjamin kualiti program yang akan ditawarkan, JPK telah mewujudkan Kod Amalan Pentauliah Program Kemahiran (KAPPK). Ia digunakan sebagai panduan kepada Pusat Bertauliah di dalam membuat perancangan dan pelaksanaan sesebuah program latihan kemahiran. Dalam usaha untuk mencapai kualiti kemahiran pada peringkat antarabangsa, Jabatan Pembangunan Kemahiran juga telah mengadakan memorandum persefahaman dan menjalinkan kerjasama dengan badan-badan persijilan serta badan-badan industri dan professional antarabangsa. Antaranya ialah *City and Guilds (UK)*, *Scottish Qualification Agency (SQA)* dan *The Computing Technology Industry Association*

(CompTIA-USA), London Chamber of Commerce & Industry (LCCI) serta TWI Training & Certification.

iii) Penempatan Pekerjaan Sebagai Elemen Penarafan Bintang

Selain itu juga, JPK amat menitikberatkan elemen penempatan pekerjaan untuk para lepasan graduan kemahiran. Melalui pelaksanaan Penarafan Bintang Pusat Bertauliah JPK yang dijalankan setiap dua tahun sekali, pihak JPK telah meletakkan kriteria penempatan pekerjaan sebagai salah satu kriteria utama di dalam penilaian yang dibuat. Sehubungan itu, secara tidak langsung PB JPK akan mendapatkan majikan yang sesuai bagi menempatkan graduan latihan yang telah tamat latihan.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Selain itu terdapat juga usaha-usaha dari Kementerian/agensi lain yang berperanan mengurangkan pengangguran di negara ini.:

Kementerian Sumber Manusia

(i) **Portal Perkhidmatan Pekerjaan**

JobsMalaysia merupakan portal yang memberi kemudahan kepada pencari kerja termasuk graduan untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pepadanan kerja.

(ii) **Program Penempatan Pekerjaan**

Ia merupakan satu program yang menemukan pencari kerja termasuk graduan dengan majikan secara langsung.

(iii) **Karnival Kerjaya (*job fair*)**

Penganjuran karnival pekerjaan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dan majikan yang sepadan melalui temuduga terbuka.

Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) pelancaran *Graduate Employability Blueprint (GEB)*, 2012-2017 pada penghujung tahun 2012 oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (kini dikenali sebagai Kementerian Pendidikan) yang memberi tumpuan untuk memperkukuh kebolehpasaran graduan serta memperincikan isu-isu kebolehdapatan kerja graduan; dan
- (ii) Penubuhan *Graduate Employability Taskforce (GET)* yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia semasa pembentangan bajet 2013 bagi memantau pelaksanaan Pelan Tindakan GEB. GET kini dipengerusikan bersama oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Unit Perancang Ekonomi (UPE). Kementerian Sumber Manusia adalah merupakan ahli kepada *taskforce* ini. GET dibantu oleh empat Jawatankuasa Kerja seperti berikut:

- (a) Jawatankuasa Kerja Perancang Permintaan dan Penawaran Sektor Awam yang dipengerusikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam;
 - (b) Jawatankuasa Kerja Perancang Permintaan dan Penawaran Pekerjaan Sektor Swasta yang dipengerusikan oleh Kementerian Sumber Manusia;
 - (c) Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome Intervensi Kebolehdapatan Kerja Graduan yang dipengerusikan bersama oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri; dan
 - (d) Jawatankuasa Kerja Perancang dan Penyelaras Program Kebolehdapatan Kerja Graduan yang dipengerusikan bersama oleh Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi
- (iii) Penubuhan *Small Medium Enterprise Development Academy* (SMEDA) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Objektif SMEDA antara lain adalah untuk melahirkan usahawan PKS baru yang berpengetahuan dan inovatif di kalangan graduan IPT.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan juga komited untuk memberi latihan kepada graduan yang sedang mencari pekerjaan melalui program-program peningkatan latihan (*upskilling*) bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka. Antaranya termasuklah:

a) Program *Accelerated Skills Enhancement Training* (ASET)

Program *Accelerated Skills Enhancement Training* (ASET) bertujuan memberi peluang kepada graduan untuk meningkatkan kebolehpasaran.

b) Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M)

Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui latihan *soft-skills* dan *on-the-job-training* di syarikat-syarikat swasta dan *government-linked company* (GLC).

c) Program Latihan Keusahawanan di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Program Latihan Keusahawanan memberi peluang kepada graduan yang berminat menceburkan diri dalam bidang keusahawanan memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran keusahawanan.

d) *Graduate Employability Management Scheme (GEMS)*

Program ini bertujuan untuk memperkasakan kebolehpkerjaan graduan dengan latihan kemahiran dan pengalaman menerusi latihan dan pendedahan industri

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 25 MAC 2014

RUJUKAN : 6554

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) apakah sebab utama Kerajaan menolak permohonan permit penerbitan media cetak seperti FZ Daily, Malaysiakini dan Suara Keadilan; dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat menambahkan petugas-petugas di semua agensi penawar agar dapat menjawab segala tohmahan dan pendedahan yang dibuat oleh pihak yang kritikal terhadap Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penerbitan surat khabar umum yang telah diluluskan permit penerbitan adalah memadai dengan jumlah pembaca di negara ini pada masa kini. Penolakan permohonan surat khabar umum bertajuk FZ Daily dan Malaysia Kini merupakan langkah awal dalam mengawal lambakan penerbitan surat khabar umum yang berkemungkinan boleh mengelirukan orang ramai sekiranya terlalu banyak berita disiarkan oleh pelbagai jenis surat khabar. Ianya dilihat cenderung untuk menerbitkan berita-berita sensasi dan kontroversi untuk menarik minat pembaca.

Bagi penerbitan Suara Keadilan, penolakan permit adalah kerana isi kandungan penerbitan tersebut yang telah melanggar Akta Mesin Cetak & Penerbitan 1984 (Pindaan) 2012. Penerbit telah diberikan surat tunjuk sebab tetapi gagal mengemukakan jawapan ke atas surat tunjuk sebab yang diberikan menyebabkan keputusan permohonan masih ditangguhkan.

Buat masa ini, Kementerian masih mengkaji keperluan penambahan petugas-petugas di semua agensi penyedia perkhidmatan bagi menjawab segala tohmahan dan kritikan terhadap Kerajaan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk Haji Abdul Azeez bin
Abdul Rahim [BALING]**

TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 29

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian berhasrat
untuk memberi subsidi kepada penoreh getah seperti
yang diberi kepada nelayan dan petani memandangkan
getah juga merupakan eksport utama negara selama ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Tidak dinafikan bahawa hasil utama eksport negara turut disumbangkan daripada sektor getah. Oleh itu, Kementerian melalui RISDA telah sedia membantu Pekebun Kecil dalam pemberian beberapa jenis subsidi seperti berikut:

- i. **Program Tanam Semula** iaitu pemberian bantuan bahan input pertanian seperti bekalan benih dan baja;
- ii. **Program Peningkatan Produktiviti Getah (PPG)** dan **Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG)** iaitu bantuan bagi meningkatkan hasil dan produktiviti getah dengan pembekalan baja RISDA 4, bahan rangsangan lateks, cuka pembeku getah, alatan menoreh seperti pisau toreh, mangkuk, sudu, spring dan dawai;

- iii. **Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET)** iaitu menambah pendapatan Pekebun Kecil melalui aktiviti sampingan;
- iv. **Pembangunan Infrastruktur Pemasaran (PIP)** dengan **pembinaan Depo Simpanan serta Pusat Timbang dan Stor** yang berperanan memendekkan rantai pemasaran agar Pekebun Kecil memperoleh harga yang tinggi;
- v. **Pembangunan Modal Insan** yang memberi kemudahan latihan kepada Pekebun Kecil; dan
- vi. **Program Tuisyen Desa** yang memberi bantuan kemudahan pembelajaran tambahan kepada anak-anak Pekebun Kecil.

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH : 25 MAC 2014

RUJUKAN : 6555

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah parti politik yang telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 sehingga sekarang. Senaraikan nama parti politik baru yang didaftarkan di Sarawak, Sabah dan negeri di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri (KDN), jumlah parti politik yang telah didaftarkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 sehingga bulan Disember tahun 2013 adalah sebanyak 22 parti politik; yang terbahagi kepada 4 parti politik yang didaftarkan di Semenanjung Malaysia, 13 parti politik didaftarkan di Sabah dan 5 parti politik didaftarkan di Sarawak. Senarai nama parti-parti politik tersebut mengikut negeri adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA	NEGERI
1	PARTI NASIONAL MALAYSIA / MALAYSIAN NATIONAL PARTY(MNP)	Johor
2	PARTI NASIONAL PENDUDUK MALAYSIA (PEOPLE'S NATIONAL PARTY OF MALAYSIA)	Negeri Sembilan
3	PARTI BERSATU BUGIS SABAH	Sabah
4	PARTI CINTA SABAH (PCS)	Sabah
5	PARTI DAMAI SABAH (SABAH PEACE PARTY) (PARTI SPP)	Sabah
6	PARTI EKONOMI RAKYAT SABAH (PERS)	Sabah
7	PARTI GAGASAN BERSAMA RAKYAT SABAH (PARTI BERSAMA)	Sabah
8	PARTI KEBANGSAAN SABAH (PKS)	Sabah
9	PARTI KEBENARAN SABAH (KEBENARAN)	Sabah
10	PARTI PEMBANGUNAN WARISAN SABAH / SABAH HERITAGE DEVELOPMENT PARTY	Sabah
11	PARTI SEJAHTERA ANGKATAN PERPADUAN SABAH (SAPU)	Sabah
12	PERTUBUHAN KEBANGSAAN SABAH BERSATU (BARU) / UNITED SABAH NATIONAL ORGANISATION (NEW)	Sabah
13	PERTUBUHAN PERPADUAN RAKYAT KEBANGSAAN SABAH (PERPADUAN)	Sabah

BIL.	NAMA	NEGERI
14	PARTI BANGSA DAYAK SARAWAK BARU (PBDS BARU)	Sarawak
15	PARTI BUMI KENYALANG (PBK)	Sarawak
16	PARTI EKONOMI RAKYAT SARAWAK BERSATU (PERSB)	Sarawak
17	PARTI RAKYAT GABUNGAN JAKSA PENDAMAI / PEOPLE'S ALLIANCE FOR JUSTICE OF PEACE (PEACE PARTY -SARAWAK)	Sarawak
18	PARTI TENAGA RAKYAT SARAWAK (TERAS)	Sarawak
19	PARTI KEADILAN INDIA MALAYSIA / MALAYSIAN INDIAN JUSTICE PARTY (MIJP)	Selangor
20	PARTI GENERASI BARU (NEW GENERATION PARTY) (NEWGEN PARTY)	WP Kuala Lumpur
21	PARTI PERPADUAN RAKYAT SABAH (PPRS)	Sabah
22	PARTI KERJASAMA RAKYAT SABAH (PAKAR)	Sabah

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 25.03.2014

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan apakah jumlah pelaburan *1 Malaysia Development Berhad* (1MDB) mengikut projek, jumlah hutang yang ditanggung serta prestasi pengurusan kewangan syarikat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 1MDB kini dalam proses menyediakan penyata tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac

2013.

1MDB dijangka akan memfailkan akaun yang diaudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013 mengikut tempoh pelanjutan yang telah dibenarkan oleh SSM iaitu sehingga 31 Mac 2014. Penyata akaun ini akan mengambil kira penyatuan (*consolidation*) akaun beberapa buah anak syarikat yang baru dengan aset yang besar di seluruh dunia ke dalam Kumpulan 1MDB.

1MDB telah memenuhi obligasi jadual pembiayaan kewangannya dengan baik. Kedudukan kewangan 1MDB tetap kukuh, disokong oleh aset-aset strategik yang mempunyai rekod prestasi yang baik di samping mempunyai peluang pertumbuhan yang utuh seperti aset *Independent Power Producers* (IPP) dan aset hartanah strategiknya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, 1MDB membuat pinjaman dan menerbitkan bon untuk mendapatkan dana bagi memajukan

projek-projeknya. Terimaan daripada terbitan bon-bon 1MDB ini digunakan untuk membiayai operasi syarikat, termasuklah bagi pembelian syarikat stesen janakuasa elektrik dan pembangunan projek hartanah strategik.

1MDB menerajui projek jangka panjang untuk meneroka peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai pelanggan yang tinggi dan berinovasi. Antara pelaburan yang sedang dijalankan 1MDB adalah seperti berikut:

i. Tun Razak Exchange

Tun Razak Exchange direka bentuk bagi memenuhi keperluan masa depan, sebagai contoh, pembangunan Pusat Kewangan Antarabangsa Tun Razak Exchange, yang dikenalpasti oleh Kerajaan Malaysia sebagai *Early Entry Point* dalam Program Transformasi Ekonomi untuk mencapai lebih dua kali ganda pendapatan per kapita menjelang tahun 2020.

ii. Pembangunan Semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur Kepada Bandar Malaysia

Projek pembangunan bersepadu ini adalah untuk memajukan semula tanah Lapangan Terbang Sungai Besi yang akan menjadi ikon kepada kelestarian kehidupan di bandar Kuala Lumpur. Sebahagian daripada projek ini diperuntukkan untuk Projek Perumahan Mampu Milik khusus kepada kumpulan eksekutif muda yang bekerja di kawasan bandar.

iii. **Sektor Tenaga**

Pembelian aset-aset tenaga Tanjong Energy Holdings dan Genting Sanyen telah dilakukan pada tahun 2012 manakala Jimah Energy Ventures Sdn Bhd pada tahun 2013.

Sebagai syarikat hibrid milik kerajaan, 1MDB boleh memanfaatkan perkongsian awam-swasta dinamik bagi mengukuhkan lagi bekalan tenaga dengan mewujudkan pasaran yang lebih kompetitif seperti yang disarankan dalam Dasar Tenaga Baru.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG]

TARIKH : 25 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Haji Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan 'dredging' Kuala Sungai Limbang yang telah diluluskan tiga tahun yang lepas bagi mengatasi masalah banjir yang melanda Bandar Limbang dan kampung-kampung sepanjang Sungai Limbang semasa air pasang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah sedia maklum berkaitan masalah muara Sungai Limbang. Oleh yang demikian, satu reka bentuk untuk kerja-kerja di Muara Sungai Limbang telah disiapkan pada tahun 2011.

Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah memohon peruntukan bagi pelaksanaan kerja-kerja pengorekan di Muara Sungai Limbang dalam permohonan peruntukan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), namun tidak diluluskan.

Kerja-kerja pengorekan di Muara Sungai Limbang akan dilaksanakan sekiranya kelulusan peruntukan dalam RMKe-11 akan diperolehi kelak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 25 MAC 2014

SOALAN :

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan jumlah petani kecil ladang sawit, ladang getah dan kebun lada di Sarawak yang telah mendapat bantuan subsidi dan jumlah subsidi yang telah diberi kepada mereka dalam 5 tahun yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sememangnya prihatin akan keperluan para pengusaha tanaman komoditi, terutamanya para pekebun kecil. Dalam hal ini, Kerajaan menyediakan pelbagai insentif dan bantuan bagi membantu golongan ini mengusahakan tanaman komoditi dan meningkatkan pendapatan.

Bagi sektor sawit, bantuan yang telah disediakan dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu adalah:

- i. Skim Bantuan Anak Benih Sawit Berkualiti (SBABB) yang telah dilaksanakan dari tahun 2008 sehingga 2011. Di bawah skim ini, Kerajaan menyediakan bantuan anak benih sawit sehingga 5 hektar. Bagi negeri Sarawak, jumlah bantuan yang telah disediakan adalah RM19.57 juta yang melibatkan 3,228 pekebun kecil sawit;
- ii. Skim Tanaman Sawit (Tanam Baharu dan Tanam Semula) di bawah *Entry Point Project 1 (EPP 1)*, *National Key Economic Areas (NKEA Sawit)* yang bermula pada tahun 2011 dan sehingga kini melibatkan 8,490 pekebun kecil sawit dengan jumlah bantuan sebanyak RM150.6 juta; dan
- iii. Skim Insentif Tanam Semula (SITS) dan Projek Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE2) yang dilaksanakan dari tahun 2008 hingga

2010, melibatkan 107 pekebun kecil sawit dengan jumlah bantuan sebanyak RM1.5 juta.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi tanaman getah, mulai tahun 2012, Kerajaan telah melaksanakan program tanam baharu dan tanam semula getah di bawah NKEA. Bagi tempoh 2012 sehingga 2013, peruntukan sebanyak RM80.04 juta telah disediakan untuk tujuan ini dan ianya melibatkan 12,534 peserta di negeri Sarawak.

Bagi tanaman lada pula, bantuan yang disediakan adalah meliputi aktiviti-aktiviti tanaman baru dan baik pulih tanaman lada. Bagi tempoh lima (5) tahun yang lalu, seramai 29,219 pekebun kecil lada di Sarawak telah menerima manfaat dari program tersebut yang melibatkan peruntukan sebanyak RM47.45 juta.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPASA : DR. AZMAN ISMAIL [KUALA KEDAH]
TARIKH : 25 MAC 2014 (SELASA)
SOALAN : Dr. Azman bin Ismail minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kementerian ada membuat kajian tentang tanaman quinoa. Tanaman ini dikatakan sangat berpotensi maju dan permintaan globalnya sebagai makanan sihat sangat tinggi. Apakah ada usaha Kementerian membawa quinoa ke Malaysia.

JAWAPAN OLEH : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Quinoa atau nama botani *Chenopodium quinoa* adalah sejenis bijirin yang ditanam untuk mendapatkan bijinya (*edible seeds*), dan berasal daripada Andean iaitu Equador, Bolivia, Colombia dan Peru. Pokok quinoa setinggi 1-2 meter mempunyai batang bercabang atau tidak bercabang bergantung kepada varietinya sama ada hijau, merah atau ungu.

Quinoa merupakan satu diet penting kepada peradaban Andean sehingga ianya digelar makanan hebat atau *superfood*. Quinoa mengandungi kandungan protein yang tinggi, kaya dengan sumber serat dan mineral serta makanan bebas gluten.

Walaupun tidak ditanam di Malaysia, quinoa telah diimport dan berada di pasaran sejak 2-3 tahun yang lalu. Quinoa telah dijual di beberapa pasaraya seperti *Cold Storage* dan *Jaya Grocer* dengan harga antara RM70-75 sekilogram. Selain itu, pengenalan terhadap tanaman quinoa juga telah dibuat oleh Kedutaan Equador dan

Chile serta beberapa restoran di sekitar Kuala Lumpur dengan cara memperkenalkan beberapa jenis masakan berasaskan quinoa.

Untuk makluman Yang Dipertua, Kementerian belum berhasrat untuk menjalankan kajian terhadap tanaman Quinoa dan lebih menumpukan kepada sumber agrobiodiversiti tempatan yang mempunyai nilai pemakanan yang sangat tinggi. Malaysia yang juga merupakan salah sebuah dari 12 negara yang kaya dengan kepelbagaian biologi (*12 mega diverse country*) dan sangat kaya dengan tanaman yang bermanfaat yang memerlukan perhatian berbanding kajian kepada quinoa yang akan melibatkan peraturan konvensyen antarabangsa yang perlu dipatuhi.

Berdasarkan peraturan antarabangsa, quinoa tidak termasuk dalam senarai Annex 1 Perjanjian Antarabangsa Sumber Genetik Tumbuhan Untuk Makanan dan Pertanian (ITPGRFA). Dengan itu, pemindahan bahan genetik quinoa akan tertakluk kepada Perjanjian Konvensyen Kepelbagaian Biologi (*Convention for Biological Diversity - CBD*) yang mana setiap transaksi pemindahan tertakluk kepada persetujuan bilateral (pemberi dan penerima). Oleh itu, setiap syarat yang dikenakan oleh pihak penderma haruslah dipatuhi lebih-lebih lagi jika ia melibatkan elemen kewangan dan harta intelek.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima
Annuar bin Musa [KETEREH]**

TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 35

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menambah bilangan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Wilayah Pantai Timur dan sejauh manakah pusat-pusat RTC ini dapat membantu golongan peniaga Industri Kecil dan Sederhana (IKS):

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat dalam perkara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Wilayah Pantai Timur telah diwujudkan di RTC Kelantan iaitu di Bandar Baru Tunjong@Wakaf Che Yeh dan juga RTC Pahang di Kuala Pahang. Kerajaan juga sedang dalam proses mewujudkan RTC di Terengganu iaitu di Bandar Al Muktafi Billah Shah.

Penubuhan RTC ini telah banyak membantu usahawan IKS seperti di RTC Kelantan yang melibatkan seramai 634 peniaga/usahawan dan RTC Pahang melibatkan seramai 13 peniaga/usahawan. Pembukaan RTC Terengganu dijangka dapat memberi manfaat kepada seramai 46 usahawan. Kerajaan berharap dengan penubuhan RTC ini, lebih ramai usahawan IKS di luar bandar dapat dibantu iaitu melibatkan usahawan sedia ada, usahawan baru dan juga usahawan-usahawan lain di kawasan luar bandar yang terlibat dalam proses pengumpulan produk dan jaringan pemasaran ke RTC.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 25 MAC 2014

SOALAN :

**YB. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:**

- (a) jumlah peruntukan yang disediakan untuk menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2014 dan anggaran jumlah pelancong untuk tahun ini dan sasaran daripada setiap negeri; dan
- (b) nyatakan program-program dan projek tambahan daripada setiap negeri yang akan dilaksanakan dan apakah halangan dan masalah yang dijangka perlu dihadapi.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah diperuntukkan RM190 juta bagi merancang dan melaksanakan beberapa strategi promosi dan pemasaran di dalam dan di luar negara bagi mencapai sasaran ketibaan seramai 28 juta pelancong dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM76 bilion.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi negeri Melaka dan negeri-negeri lain tiada sebarang projek tambahan di bawah peruntukan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi tahun 2014 daripada setiap negeri termasuk Melaka. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah pun melaksanakan lima (5) projek pelancongan di negeri Melaka dengan jumlah peruntukan sebanyak RM75 juta di bawah RMK-10 seperti berikut:

1. Pembangunan Landskap dan Kemudahan Pelancongan di Taman Botanikal (RM30.0 juta);
2. Pembangunan Perkampungan Hang Tuah dan Persisiran Sungai Duyong (RM35.0 juta);
3. Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Kg. Mortem (RM1.0 juta);
4. Pembangunan Kemudahan Pelancongan di Ayer Panas Bemban, Melaka (RM2.0 juta); dan
5. Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Kuala Sungai Baru, Melaka (RM7.2 juta).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

TARIKH : 25 MAC 2014

SOALAN :

**DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:-**

(a) jumlah kes pencerobohan di perairan Sabah sejak kawasan keselamatan khas Pantai Timur Sabah - ESSCOM ditubuhkan dan tindakan yang telah diambil agar ianya tidak berulang lagi; dan

(b) selain aset sedia ada, adakah pihak Kerajaan bersedia untuk menggunakan aset seperti kenderaan udara tanpa pemandu (Drone-Unmanned Aerial Vehicle) bagi tujuan pengawasan kawasan ESSCOM.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod ESSCOM, tiada sebarang pencerobohan baru yang dilakukan oleh kumpulan pengganas yang menggelarkan diri mereka "Askar Diraja Sulu". Ini adalah hasil kejayaan kesemua agensi-agensi keselamatan, penguatkuasaan dan pertahanan dalam memastikan pantai Timur Sabah selamat serta bebas dari anasir yang tidak dikehendaki. Di samping itu, kesemua agensi-agensi tersebut telah dilengkapi dengan aset t yang dapat meningkatkan keupayaan mengesan anasir-anasir ini dan juga aset yang boleh tindakan diambil dengan segera.

Bagaimanapun terdapat beberapa kes cubaan untuk mencerobohi perairan negara dari kalangan Pendatang Tanpa Izin (PTI) dan penyeludup. Namun mereka telah berjaya di tahan oleh agensi penguatkuasaan khususnya Pasuka Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang sentiasa siapsiaga mengawasi perairan pantai Timur Sabah.

Kerajaan sememangnya telah menggunakan "Unmanned Aerial Vehicle – (UAV)" dalam membuat pengawasan udara. Pihak ATM khususnya telah pun menggunakan UAV sejak tahun 2008 lagi. Tindakan pemantauan ini dibuat di bawah seliaan Angkatan Tentera Bersama (ATB2) yang berpangkalan di Tawau, Sabah. Selain daripada itu, ATM juga telah menggunakan alat pengawasan lain seperti radar dan juga pengimej haba (*thermal imager*) di samping penggunaan pesawat udara

dari TUDM dan Pasukan Gerak Udara (PDRM) untuk mengesan sebarang pencerobohan di perairan ESSZONE. Kesemua alat pengawasan ini adalah saling melengkapi dan akan terus digunakan di kawasan operasi.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

TARIKH : 25 MAC 2014

RUJUKAN : 6551

SOALAN:

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes penipuan atau pemalsuan kad kredit yang melibatkan penyalahgunaan maklumat individu-individu dalam tempoh tahun 2008-2013. Apakah statistik kes-kes yang telah diselesaikan oleh PDRM.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis sedar dan peka tentang peningkatan kes-kes penipuan atau pemalsuan kad kredit yang melibatkan penyalahgunaan maklumat individu. Kes sedemikian merupakan *trend* jenayah masa kini yang bukan sahaja berlaku di negara ini tapi berlaku di seluruh dunia memandangkan penggunaan kad kredit telah menjadi budaya masyarakat kini.

Statistik kes yang melibatkan kes penipuan pemalsuan kad kredit dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti berikut:-

BIL	TAHUN	JUMLAH KES	JUMLAH KERUGIAN	KES DITUDUH DI MAHKAMAH
1	2008	279	RM2,314,840.88	22
2	2009	580	RM4,662,398.74	68
3	2010	457	RM2,658,431.63	112
4	2011	429	RM8,345,571.54	26
5	2012	237	RM2,978,166.58	70
6	2013	135	RM1,542,199.00	85
	JUMLAH KESELURUHAN	2,117	RM22,501,608.37	383

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 25 MAC 2014

SOALAN :

Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- a) apakah langkah Kerajaan untuk membantu rakyat di negeri Sabah yang terlibat dengan banjir kilat baru-baru ini khususnya di beberapa daerah di pedalaman negeri Sabah; dan
- b) apakah punca utama kepada banjir kilat ini berlaku.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 25 Mac 2014, mengikut rekod Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM), sebanyak lima (5) Daerah di Negeri Sabah terjejas bencana banjir dengan melibatkan 1,848 keluarga dari Daerah Kota Belud, Nabawan, Keningau, Tenom dan Beaufort. Pengagihan bantuan wang ihsan di Daerah Kota Belud, Nabawan dan Keningau telah diagihkan kepada 468 ketua keluarga. Manakala mangsa banjir di Tenom dan Beaufort akan diagihkan pada awal bulan April 2014 melibatkan masing-masing 723 dan 657 ketua keluarga.

Kerajaan amat prihatin dengan nasib yang telah menimpa rakyat yang terjejas akibat bencana. Bagi membantu rakyat yang terjejas akibat bencana banjir, Kerajaan telah memperuntukkan bantuan wang ihsan RM500 kepada setiap ketua isi rumah. Pemberian bantuan wang ihsan ini adalah sebagai bukti keprihatinan Kerajaan Pusat dalam meringankan beban mangsa banjir. Namun ia bukanlah merupakan bayaran pampasan ke atas kerugian yang dialami oleh mangsa banjir.

Bagi Negeri Sabah, sebanyak tiga (3) episod banjir telah direkodkan iaitu dari 15 hingga 18 Januari 2014, dari 22 hingga 27 Januari 2014 dan dari 13 hingga 19 Februari 2014 lalu. Banjir yang berlaku di Negeri Sabah berpunca dari kejadian hujan yang lebat di Bahagian Pedalaman Sabah selain daripada kesan akibat kenaikan air Sungai Padas di Beaufort, Sabah.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN
[TANJUNG MALIM]
TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)

DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJUNG MALIM] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk membanteras kenaikan harga barangan keperluan lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sedang mengambil beberapa tindakan proaktif bagi menangani kenaikan harga barang keperluan yang dilakukan oleh mana-mana pihak yang memanipulasikan keadaan untuk menaikkan harga secara tidak munasabah. Tindakan-tindakan tersebut adalah seperti berikut:

- i. **Menggerakkan operasi penguatkuasaan** menangani kenaikan harga barang dan caj perkhidmatan yang tidak berpatutan dalam pasaran melalui **OPS HARGA 2014** yang telah berkuatkuasa pada **1 Januari 2014**;
- ii. **Menguatkuasakan tindakan yang tegas melalui pengeluaran Notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara. Peniaga yang gagal atau enggan memberi penjelasan terhadap kenaikan tersebut atau gagal mengemukakan maklumat yang diarahkan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta ini;
- iii. Melancarkan **Ops Tanda Harga** di bawah **Gerakan Pematuhan Tanda Harga**. Ops ini digerakkan bermula **3 Mac 2014** sebagai satu langkah bagi memastikan peniaga mematuhi undang-undang penandaan harga dan sedar akan tanggungjawab untuk meletakkan tanda harga pada barang yang dijual. Ops ini juga memberi mesej jelas kepada rakyat akan keseriusan Kerajaan

dalam melindungi kepentingan pengguna yang dikuatkuasakan melalui **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993**;

- iv. Melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** sebagai satu kaedah untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi pada musim-musim perayaan;
- v. **Menjalankan pemantauan harga untuk mengesan kenaikan harga di pasaran** di seluruh negara. Pemantauan harga dilaksanakan di premis-premis perniagaan secara harian, mingguan dan bulanan bagi mengesan tren harga barangan berkenaan di pasaran dan sebarang peningkatan harga yang mendadak disalurkan untuk disusuli dengan tindakan penguatkuasaan;
- vi. Mengadakan pelbagai program dan aktiviti jualan bagi menawarkan barangan keperluan pada harga murah dengan kerjasama *hypermarket* dan pasar raya untuk mengadakan **Kempen Penurunan Harga** dengan tujuan untuk memberi penjimatan kepada pengguna. Kempen Penurunan Harga melibatkan 957 cawangan pasar raya di seluruh negara dan penjimatan yang ditawarkan meliputi lebih 4000 jenis barang keperluan isi rumah; dan
- vii. **Mengadakan *engagement*** dengan persatuan perniagaan, pengeluar, pembekal, pemborong dan pengimport untuk mendapat maklum balas mengenai kedudukan harga dan bekalan barangan perlu di peringkat nasional dan negeri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 20.03.2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) sama ada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan terus menyiasat kes-kes bekas Ketua Menteri Sarawak (Taib Mahmud) yang telah meletak jawatannya baru-baru ini; dan
- (b) bilangan fail kes rasuah bekas Ketua Menteri Sarawak (Taib Mahmud) yang terdapat di SPRM dan apakah perkembangan siasatan kes-kesnya selama dua tahun ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 9 Kertas Siasatan telah dibuka sehingga kini dan satu pasukan *task force* telah ditubuhkan yang melibatkan pegawai-pegawai SPRM dan pegawai-pegawai dari Jabatan Peguam Negara. SPRM telah bertungkus lumus untuk menyelesaikan siasatan terhadap kes bekas Ketua Menteri Sarawak. Perbincangan diantara SPRM dan Jabatan Peguam Negara dibuat dari semasa ke semasa. Setakat ini kes tersebut belum lagi dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Ust. Dato' Dr. Mohd.
Khairuddin bin Aman Razali
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 42

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah yang diambil untuk membantu penoreh getah di bawah RISDA ekoran kejatuhan harga komoditi tersebut di pasaran.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Ketika ini Kementerian melalui RISDA sedar bahawa penoreh getah menerima kesan akibat daripada kejatuhan harga getah di pasaran sekaligus memberi kesan kepada hasil jualan getah mereka.

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh RISDA adalah seperti berikut :

- a. mewujudkan mekanisma **pengurangan harga benih dan baja** di mana harga benih RISDA adalah RM2.33/pokok berbanding harga pasaran RM4.50/pokok. Manakala jumlah pengurangan harga baja iaitu baja RISDA 1 dikurangkan daripada RM1,374/MT (2013) kepada RM1,190/MT (2014), perbezaannya sebanyak RM184/MT dan baja RISDA 4 daripada RM1,448/MT (2013) kepada RM1,100/MT (2014), perbezaannya sebanyak RM348/MT. Pengurangan kedua-dua jenis baja tersebut berjumlah sebanyak RM532/MT;

- b. membantu Pekebun Kecil mengurangi kos input dengan meningkatkan produktiviti getah. Mereka diberi bantuan alat & torehan melalui **Program Pengekalan Getah (PPG)** serta bahan rangsangan lateks, cuka pembeku getah dan baja melalui **Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG)**;
- c. melalui **Program Pembangunan Infrastruktur Pemasaran (PIP)** dengan pembinaan **Pusat Timbang dan Stor (PTS)** serta **Depo Simpanan** RISDA yang berperanan untuk memendekkan rangkaian pemasaran agar Pekebun Kecil memperoleh harga yang lebih tinggi;
- d. mengalakkan Pekebun Kecil mengamalkan **Good Agricultural Practices (GAP)**. Amalan ini berupaya mengurangkan penggunaan tenaga buruh asing sekaligus meningkatkan pendapatan mereka sendiri;

- e. memperkenalkan **Low Intensity Tapping System (LITS)** atau **Sistem Torehan Kekurangan Rendah** yang dapat meningkatkan bilangan *task* torehan mereka;
- f. mempergiatkan Program **Aktiviti Ekonomi Tambahan** untuk memastikan penggunaan tanah yang optimum dengan menggalakkan Pekebun Kecil supaya melaksanakan tanaman kontan seperti cili, pisang, nenas dan lain – lain bagi menjana pendapatan tambahan;
- g. menggalakkan Pekebun Kecil menyertai **Program Tanam Semula Getah ke Tanaman Lain (TSGL)** yang merangkumi 5 jenis tanaman buah – buahan iaitu Durian, Nangka Madu, Mangga, Manggis dan Kelapa Mataq untuk menikmati pendapatan tambahan selain hasil getah;
- h. meningkatkan agihan dividen kepada Pekebun Kecil dengan usaha **Syarikat Milikan RISDA** yang mengoptimumkan kesemua kawasan getah supaya boleh ditoreh sekaligus untuk memaksimumkan hasil getah; dan

- i. memberikan bantuan kewangan sebanyak RM500 sebulan selama 48 bulan kepada Pekebun Kecil yang layak melalui **Program Bantuan Sara Hidup Pekebun Kecil (SHPK)**. Program yang bermula pada tahun 2013 dan akan berakhir pada tahun 2016 ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan harian bagi Pekebun Kecil yang bergantung sepenuhnya kepada hasil kebun. Peruntukan tahunan bagi Program ini adalah sebanyak RM5.742 juta untuk 957 Pekebun Kecil setahun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]

TARIKH : 25 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pada 21 November 2013, Ketua Setiausaha Negara mengumumkan seramai 39 orang pegawai telah dikenal pasti dan diberikan surat tunjuk sebab atas kesalahan 'salah guna kuasa' seperti teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara 2012. Apakah mereka telah didakwa atas pertuduhan jenayah.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan pertanyaan lisan berkaitan Laporan Ketua Audit Negara 2012 juga telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, maka saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan lisan ini bersekali dengan pertanyaan lisan oleh YB Tuan Gooi Hsio-Leung [Alor Setar] pada 31 Mac 2014, YB Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] pada 2 April 2014 dan YB Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] pada 8 April 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan Laporan Ketua Audit Negara 2012 – LKAN 2012 (Siri 1 dan Siri 2) pada 21 November 2013, Surat Tunjuk Sebab telah dikeluarkan kepada 30 pegawai dan 9 bekas pegawai (pesara). Tujuan pengeluaran surat berkenaan ialah bagi mendapatkan penjelasan dari pegawai mengenai ketidakaturan yang dibangkitkan dalam LKAN 2012.

Bagi 30 orang pegawai yang telah diberikan Surat Tunjuk Sebab, status tindakan terkini adalah seperti berikut:

- (a) 19 pegawai telah dimulakan prosiding tatatertib;
- (b) 2 pegawai telah disyorkan diambil tindakan tatatertib;
- (c) 6 pegawai sedang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan

- (d) 3 pegawai tidak diambil tindakan tatatertib kerana tidak wujud asas yang kukuh bahawa pegawai berkenaan telah melakukan salah laku atau kecuaiian.

Manakala 9 bekas pegawai awam (pesara) telah memberikan penjelasan dan tiada tindakan lanjut diambil ke atas mereka. Ini adalah kerana tiada asas yang kukuh bahawa pegawai telah melakukan salah laku dan kecuaiian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 seperti mana yang dibentangkan di Parlimen pada 1 Oktober 2013 dan 2 Disember 2013, terdapat sebanyak 378 teguran telah dibuat dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 yang melibatkan 111 (29%) teguran bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan, 38 (10%) teguran bagi Badan Berkanun dan 229 (61%) teguran bagi negeri.

Sebanyak 267 (71%) teguran audit melibatkan penambahbaikan peraturan, prosedur dan proses kerja dan tindakan penambahbaikan ini telah dan sedang diambil oleh agensi terlibat. Manakala 111 (29%) teguran melibatkan 121 kes penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiian pelaksanaan tugas.

Sebanyak 17 kertas siasatan berkaitan LKAN 2012 telah dirujuk oleh pihak SPRM kepada Jabatan Peguam Negara. Status kertas-kertas siasatan adalah seperti berikut:

- (a) 9 kertas siasatan telah disyor untuk ditutup kerana tiada keterangan yang mencukupi bagi membolehkan pertuduhan jenayah di bawah mana-mana undang-undang dikenakan terhadap mana-mana pegawai / individu yang dinamakan di dalam kertas siasatan tersebut. Daripada 9 kertas siasatan tersebut, 5 kes dicadangkan untuk tindakan tatatertib;
- (b) 7 kertas siasatan lagi telah dikembalikan oleh Jabatan Peguam Negara kepada pihak SPRM untuk siasatan lanjut; dan
- (c) Bagi satu (1) kertas siasatan, pendakwaan telah dibuat di Mahkamah Sesyen Kota Bharu terhadap seorang pesara kerajaan di bawah Seksyen 468 Kanun Keseksaan. Individu tersebut telah dituduh dengan 52 pertuduhan pemalsuan dokumen dengan tujuan untuk menipu.

Sekian. Terima Kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]

TARIKH : 25 MAC 2014

SOALAN :

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah bagi memastikan kebijaksanaan (*wisdom*) dan buah fikiran cetusan perbahasan di kalangan ahli-ahli Parlimen kedua-dua belah pihak Kerajaan dan Pembangkang, dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam pembinaan dan penubuhan dasar, polisi dan undang-undang negara.

JAWAPAN:YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Dewan, Kerajaan sentiasa menghargai buah fikiran dan pandangan yang mampu memberikan kesan baik yang berpanjangan kepada masyarakat. Kerajaan juga tidak pernah mendiskriminasikan pandangan mana-mana pihak. Sehubungan dengan itu, Kerajaan bersifat terbuka terhadap mana-mana individu yang mempunyai idea yang baik yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhannya dan bukan untuk kepentingan individu tertentu sahaja.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]
TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan peranan Pemantau Harga yang diwujudkan di setiap Parlimen dalam usaha mengawal harga barang keperluan harian seperti sayur-sayuran (umpamanya cili merah), ikan (umpamanya ikan kembong) dan ayam yang terus meningkat di beberapa negeri antara 2013 dan 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDDNKK) sentiasa membuat pemantauan harga di premis-premis perniagaan di seluruh negara dengan melantik Pegawai Pemantau Harga mengikut keperluan cawangan. Seramai 1,088 Pegawai Pemantau Harga secara kontrak yang ditempatkan di KPDDNKK pusat, KPDDNKK negeri dan cawangan di seluruh negara ditugaskan bagi memantau kenaikan harga barangan keperluan agar para peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan dengan sesuka hati. Namun begitu, harga barangan selain barangan kawalan bersubsidi tidak dikawal oleh Kerajaan tetapi harga ditentukan oleh permintaan dan penawaran di pasaran.

Program Pemantauan Harga yang dilaksanakan oleh Pegawai Pemantau Harga mula diperkenalkan pada April 2008. Pemantauan harga dijalankan setiap hari di pasaraya besar, pasaraya, hypermarket, pasar basah, pasar mini, kedai serbaneka 24 jam dan kedai runcit di seluruh daerah merangkumi kawasan bandar dan luar bandar. Kategori barangan yang dipantau ialah:-

- (a) barangan basah seperti ayam hidup, ayam standard, daging, sayur-sayuran, buah-buahan dan hasil laut; dan
- (b) barangan kering seperti bawang, beras, cili kering; dan
- (c) barangan berbungkus seperti kicap, sos cili, sardin dalam tin, mee segera, kordial; dan

- (d) barangan kedai serbaneka seperti alat tulis, majalah, makanan ringan dan minuman.

Peranan dan tanggungjawab Pegawai Pemantau Harga adalah membantu Kementerian dalam memantau sebarang perubahan atau kenaikan harga barang di seluruh negara. Di samping itu, Pegawai Pemantau Harga juga turut berperanan sebagai mata dan telinga kepada pihak Kementerian berhubung isu-isu kepenggunaan malah membantu usaha meningkatkan pematuhan peniaga kepada akta dan peraturan di bawah bidang kuasa KPDNKK seperti Akta Perihal Dagangan, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, Akta Timbang dan Sukat, Akta Hakcipta dan Akta Pelindungan Pengguna.

Selain itu, Pegawai Pemantau Harga juga bertanggungjawab untuk membuat analisa harga berdasarkan kepada pemantauan harian yang dijalankan bagi melihat pergerakan aliran harga semasa. Ia juga bertujuan untuk membuat perbandingan harga bagi mengesan sebarang perubahan harga yang berlaku dalam pasaran.

Bagi barangan basah seperti sayur-sayuran, ikan dan ayam, harga barangan ini ditentukan oleh kuasa pasaran dari masa ke semasa di dalam negara. Kerajaan tidak mengawal harganya kecuali pada musim perayaan sahaja. Namun begitu, Kerajaan tetap mengambil perhatian serius bagi mengesan dan menganalisa sebarang pergerakan harga yang berlaku sebagai langkah untuk mengelakkan peniaga menaikkan harga secara keterlaluan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]
TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)

DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kadar inflasi dan langkah-langkah yang diambil dengan berkesan untuk mencegahnya. Apakah keadaan harga barangan di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Trend atau arah aliran inflasi yang diukur berdasarkan Indeks Harga Pengguna mendapati kadar purata inflasi tahun 2013 meningkat kepada 2.1% berbanding 1.6% pada tahun 2012. Manakala kadar inflasi bulan Januari 2014 berbanding bulan Januari 2013 telah merekodkan peningkatan kepada 3.4%.

Dalam membendung kadar inflasi negara, Kerajaan antara lain telah melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i. Penubuhan **Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup Rakyat pada 15 Januari 2014.**
- ii. Melaksanakan **Kempen Penurunan Harga.**
- iii. Mengadakan **sesi *engagement* dan dialog dengan NGO Kepenggunaan.**
- iv. Melaksanakan **Anugerah Kedai Harga Patut (AKHP)**
- v. Mewujudkan Kedai Rakyat 1 Malaysia atau **KR1M**
- vi. Menggalakkan penglibatan premis makanan untuk Menu Rakyat 1 Malaysia atau **MR1M.**
- vii. Mewujudkan Kedai Kain Rakyat 1Malaysia atau **KKR1M**
- viii. Mewujudkan ***Price Watch*** di dalam Portal 1Malaysia Pengguna Bijak dan **menyebarkan penggunaannya dalam media massa**
- ix. Memperhebatkan aktiviti penguatkuasaan seperti **OPS HARGA 2014**

Analisa perubahan harga 40 jenis barang terpilih bagi bulan Januari 2014 berbanding Disember 2013 adalah seperti berikut:

- i. Di Semenanjung Malaysia, 23 barangan mengalami peningkatan harga, 13 barangan mengalami penurunan harga manakala 4 barangan tidak mengalami sebarang perubahan harga;
- ii. Di Sabah, 24 barangan mengalami peningkatan harga, 14 barangan mengalami penurunan harga, 1 barangan tidak

mengalami sebarang perubahan harga manakala harga 1 barangan tidak dapat diperolehi;

- iii. Di Sarawak, 24 barangan mengalami peningkatan harga, 14 barangan mengalami penurunan harga, 1 barangan tidak mengalami sebarang perubahan harga manakala harga 1 barangan tidak dapat diperolehi; dan
- iv. Di Labuan, 10 barangan mengalami peningkatan harga, 12 barangan mengalami penurunan harga, 15 barangan tidak mengalami sebarang perubahan harga manakala harga 3 barangan tidak dapat diperolehi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]**
TARIKH : **25.3.2014**
SOALAN :

Y.B. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada permohonan untuk bangunan tambahan SRJKC Permatang Tinggi Bukit Mertajam yang tertunda lebih lapan tahun sudah diluluskan untuk *Rolling Plan* ke-4 Rancangan Malaysia Ke-10. Jika ya, bila pelaksanaan pembinaan, jika tidak, mengapa dan bila akan diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius akan keperluan pembinaan sekolah bagi memastikan kesemua rakyat Malaysia mendapat akses pendidikan yang sewajarnya. Sehubungan itu, kementerian telahpun mengemukakan permohonan peruntukan untuk projek pembinaan SJKC Permatang Tinggi Bukit Mertajam dalam *Rolling Plan* Keempat bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL

TARIKH: 25 MAC 2014

SOALAN:

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sektor pekerjaan yang menawarkan gaji paling tinggi di negara ini dan apakah paras gaji permulaan bagi graduan Ijazah Sarjana Muda Yang Baru menamatkan pengajian pada masa sekarang.

PR-1321-L59271

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai data mengenai sektor pekerjaan yang menawarkan gaji paling tinggi di negara ini dan paras gaji permulaan bagi graduan Ijazah Sarjana Muda.

2. Namun begitu, mengikut Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, purata gaji & upah bulanan mengikut industri

di Malaysia bagi tahun 2010–2012 adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah :

Jadual 1 : Purata gaji & upah bulanan mengikut industri, Malaysia, 2010–2012

Industri ¹	(RM)		
	2010	2011	2012
Pertanian, perhutanan dan perikanan	871	901	993
Perlombongan dan pengkuarian	3,368	3,340	3,358
Pembuatan	1,489	1,468	1,647
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	2,862	2,528	2,558
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	1,418	1,689	1,568
Pembinaan	1,498	1,547	1,608
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	1,357	1,397	1,427
Pengangkutan dan penyimpanan	1,923	1,828	1,933
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	1,038	1,055	1,146
Maklumat dan komunikasi	3,246	3,073	3,246
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	2,972	2,926	3,128
Aktiviti hartanah	2,759	3,016	2,759
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	2,615	2,617	2,800
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	1,228	1,178	1,106
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	2,374	2,466	2,564
Pendidikan	2,898	2,895	3,135
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	2,349	2,330	2,439
Kesenian, hiburan dan rekreasi	1,545	1,429	1,416
Aktiviti perkhidmatan lain	1,319	1,303	1,373

Sumber : Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1) Industri dikelaskan mengikut 'Piawai Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008'

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 25 MAC 2014

RUJUKAN : 6556

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan polis terhadap peristiwa ganas yang mencetuskan ketegangan kaum dan agama pada bulan Januari 2014 dengan 2 demonstrasi yang melibatkan pemimpin UMNO di Seberang Jaya dan Machang Bubok, pengeboman sebuah gereja berikutan 3 sepanduk digantung di luar 3 buah gereja Katolik di George Town.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan telah dibuat berhubung dengan bantahan yang dianjurkan oleh UMNO Pulau Pinang berkaitan dengan gambar dalam Twitter milik lelaki bernama Lee Khai Loon yang memasukkan kangkung ke dalam mulut replika Perdana Menteri. Himpunan yang dihadiri lebih kurang 1,000 orang terdiri daripada ahli dan pemimpin UMNO, NGO Perkasa dan penduduk setempat. Terdapat kain rentang yang tertulis “kerana mulut pemimpin DAP, 13 Mei 1969 terjadi.. mau lagi kaa”. Kertas siasatan telah dibuka berkait Seberang Jaya Repot 454/2014, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 9 (1) Akta Perhimpunan Aman dan Seksyen 4 (1) Akta Hasutan. Kertas siasatan telah dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya pada 25 Februari 2014 untuk nasihat dan pandangan.

Bantahan kedua yang dibuat di Macang Bubuk, Bukit Mertajam terdiri daripada ahli dan pemimpin UMNO, NGO Pekida dan penduduk setempat membantah perkara yang sama. Kertas siasatan telah dibuka berkait Bukit Mertajam Repot 734/2014, Seksyen 9 (1) Akta Perhimpunan Aman. Kertas siasatan telah dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya pada 17 Februari 2014 untuk nasihat dan pandangan.

Berhubung dengan kejadian serangan *molotov cocktail* terhadap *The Church of the Assumption*, Lebuhraya Farquhar Pulau Pinang, laporan polis telah dibuat berkait Central Repot 854/2014, disiasat di bawah

Seksyen 436 dan Seksyen 511 Kanun Keseksaan. Kejadian berlaku pada jam 1.30 pagi semasa pengadu seorang pengawal keselamatan menyedari terdengar bunyi kaca pecah dan berlaku nyalaan api di pintu gereja. Siasatan telah dibuat oleh pihak forensik mendapati ianya merupakan sejenis *molotov cocktail*. Tidak ada saksi dan cctv yang berdekatan bagi membantu siasatan. Setakat ini tidak ada tangkapan dan petunjuk bagi membantu siasatan. Kertas siasatan telah dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya pada 27 Februari 2014.

Terdapat tiga kertas siasatan telah dibuka berhubung dengan pemasangan kain rentang mengenai penggunaan kalimah Allah di tiga buah gereja. Ketiga tiga kes berkenaan merupakan kes yang sama dan kain rentang yang sama iaitu bertulis "ALLAH IS GREAT. JESUS IS THE SON OF ALLAH" dan berlatarbelakangkan wajah Jesus dan Salib. Siasatan telah dijalankan di tempat kejadian mendapati tidak saksi dan juga petunjuk yang diperolehi memandangkan kejadian di awal pagi dan tidak ada rakaman CCTV yang dapat membantu siasatan. Kertas Siasatan telah lengkap dan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk nasihat dan pandangan selanjutnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM**
(BANDAR TUN RAZAK)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **25.03.2014**

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil kajian menyeluruh Kerajaan Persekutuan mengenai impak '*tapering*' Amerika Syarikat, peralihan mendadak aliran modal global dan kenaikan volatiliti pasaran kewangan ke atas ekonomi dunia dan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat , berikutan pengumuman

tapering of quantitative easing atau pengurangan skala program pelonggaran kuantitatif (QE) secara beransur-ansur oleh *Federal Reserve* Amerika Syarikat (Fed) pada pertengahan bulan Mei 2013, impaknya ada memberi kesan ke atas ekonomi global, termasuk Malaysia. Dalam hal ini, pengumuman tersebut dibuat apabila terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa keadaan ekonomi Amerika Syarikat semakin pulih. Penilaian dan tindakan pihak Fed ini secara tidak langsung akan memberikan manfaat kepada ekonomi global, termasuk Malaysia.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Pelaksanaan dasar monetari yang bukan konvensional, termasuk program QE di negara maju sejak tahun 2008, telah meningkatkan aliran mudah tunai global dan modal ke rantau Asia dengan ketara. Walau bagaimanapun, apabila terdapat jangkaan bahawa pihak Fed akan mengurangkan skala program QE pada pertengahan bulan Mei 2013 dan pengumuman yang dibuat pada bulan Disember 2013, telah menyebabkan pengaliran keluar portfolio yang besar daripada negara-negara ekonomi serantau terutamanya Asia dan seterusnya memberi

tekanan menurun terhadap nilai mata wang dan harga aset.

3. Selari dengan pengumuman pengurangan QE, nilai ringgit menyusut sebanyak 8.1% sejak pertengahan bulan Mei 2013 hingga awal bulan Mac 2014. Dalam masa yang sama, bagi tempoh suku ketiga 2013, telah berlaku pengaliran keluar portfolio pelaburan sebanyak RM9.7 bilion. Indeks KLCI juga pada mulanya menurun sebanyak 5.7%, telah meningkat semula sebanyak 2.3%, didorong oleh pandangan positif para pelabur terhadap ekonomi Malaysia.

4. Walaupun saiz dan ketidaktentuan aliran keluar modal telah meningkat dalam tempoh tersebut, pelarasan mata wang dan pasaran kewangan domestik adalah tidak terlalu ketara. Sebagai contoh, dalam pasaran mata wang, penyusutan nilai ringgit sebanyak 8.1% adalah selari dengan penyusutan nilai mata wang serantau[1] yang lain dalam julat 0.7% hingga 14.0%. Dalam pasaran bon, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia hanya meningkat sebanyak 54.3 mata asas, berbanding dengan peningkatan berpurata 101.4 mata asas di negara serantau lain.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Sistem kewangan domestik yang lebih mendalam dan kepelbagaian instrumen dasar yang ada telah membolehkan pengubal dasar di Malaysia menguruskan turun naik dalam pasaran kewangan dengan lebih berkesan. Pertama, sistem kadar pertukaran apungan terurus (*managed float*) telah memberikan fleksibiliti kepada mata wang ringgit untuk menjadi penstabil automatik terhadap perkembangan luaran yang buruk. Ini disokong oleh tahap rizab antarabangsa yang tinggi, yang telah meningkat daripada RM70.4 bilion (USD28 bilion) pada tempoh sebelum Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997 - 1998, kepada RM427.6 bilion (USD130.6 bilion) pada bulan Februari 2014. Kedua, keupayaan pasaran kewangan untuk menjadi pengantara bagi aliran keluar masuk modal juga telah bertambah baik. Sektor kewangan yang kukuh, pasaran kewangan yang mendalam dan permintaan yang meningkat daripada para pelabur institusi domestik telah mengurangkan impak aliran modal yang tidak menentu serta gangguan kepada pembiayaan dan aktiviti ekonomi.

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Kerajaan akan terus memantau perkembangan pasaran pertukaran asing dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa risiko-risiko, termasuk kesan limpahan daripada ekonomi yang lain, adalah terkawal. Dalam hal ini, meskipun berlaku ketidaktentuan persekitaran global termasuk pengurangan QE, ekonomi Malaysia terus mencatat pertumbuhan yang stabil sebanyak 4.7% pada tahun 2013.

[1] Kecuali renminbi China yang tidak berubah berbanding dengan dolar AS dan won Korea yang menambah nilai berbanding dengan dolar AS.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]**

TARIKH : 25 MAC 2014

RUJUKAN : 6557

SOALAN:

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan angka Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan pendaftar pertubuhan serta berapakah jumlah NGO yang dikenal pasti sebagai haram kerana tidak berdaftar dan apakah tindakan yang diambil Kerajaan terhadap NGO-NGO ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335), Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984 dan dasar-dasar mengenai pertubuhan; mengawal dan mengawasi pertubuhan supaya tidak bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam, ketertiban atau akhlak negara Malaysia serta mengurus dan menyimpan rekod-rekod pendaftaran berkaitan dengan pertubuhan dan cawangan pertubuhan berdaftar. Sehubungan dengan itu, jumlah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan JPPM sehingga tahun 2013 adalah sebanyak 58,179 pertubuhan (tidak termasuk pertubuhan politik).

KDN tidak mempunyai rekod mengenai jumlah pertubuhan yang tidak berdaftar dengan JPPM. Namun demikian, KDN melalui JPPM telah mengenal pasti 48 pertubuhan yang bergerak tanpa berdaftar dan telah mengambil tindakan di bawah Seksyen 5 Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335). Dalam hal ini, semua pertubuhan tersebut telah diwartakan sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : LISAN
- DARIPADA** : TENGKU RAZALEIGH HAMZAH [GUA MUSANG]
- TARIKH** : 25 MAC 2014 (SELASA)
- SOALAN** : Tengku Razaleigh Hamzah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kementerian akan melaksanakan Rancangan Buku Hijau bentuk baru yang lebih produktif lagi berkesan untuk menjamin bekalan dan pemasaran beras, sayur-sayuran, buah-buahan tempatan dan lain-lain yang cukup pada harga yang berpatutan, mengurangkan import supaya menyelamatkan tukaran asing, menambah aktiviti dan peluang pekerjaan.
- JAWAPAN OLEH** : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada masa ini tiada bercadang untuk melaksanakan semula Rancangan Buku Hijau yang telah pun dilaksanakan dahulu. Walau bagaimana pun, industri agromakanan akan terus diperkasakan selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020, bagi memastikan kelestarian jaminan bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan serta menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara dan usahawan tani. Di bawah DAN, pelbagai strategi dan langkah telah diambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan hasil dan bekalan makanan negara bagi mengurangkan kebergantungan kepada import makanan asas dari luar negara melalui pelaksanaan program-program pertanian yang mempunyai nilai tambah tinggi dan berdaya komersial.

Dasar Agromakanan Negara (2011-2020) telah menetapkan Tahap Sara Diri (SSL) beras dikekalkan pada kadar 70% dan akan dikaji dari semasa ke semasa. Sementara itu, Bagi menjamin bekalan makanan dan pemasaran beras, langkah-

langkah yang telah diambil Kerajaan dalam meningkatkan pengeluaran padi yang seterusnya akan meningkatkan pengeluaran beras adalah seperti berikut:

- i. Pewujudan empat kawasan IADA baru;
- ii. Pelaksanaan projek-projek NKEA;
- iii. Pengukuhan infrastruktur pengairan dan saliran;
- iv. Penggunaan varieti baru dan benih padi sah;
- v. Pengamalan teknologi pertanian tepat; dan
- vi. Meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi.

Selain itu, bagi memastikan pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan memenuhi keperluan domestik, beberapa strategi dan pelan tindakan telah digariskan di bawah DAN seperti pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), projek pembangunan tanah terbiar, projek kelompok, pembangunan kawasan luar jelapang padi untuk tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan, penanaman secara integrasi dengan tanaman industri, mempergiat pembangunan varieti dan klon buah-buahan, program Tanam Semula Buah-buahan Terpilih yang akan bermula pada tahun 2014 dan penambahan kawasan baru bagi tanaman sayur-sayuran seluas 8,300 hektar menjadikan jumlah keseluruhan 38,000 hektar dan tanaman buah-buahan seluas 23,000 hektar daripada jumlah keluasan 290,800 hektar menjelang 2020.

Ia merupakan usaha penting bagi memastikan kualiti serta kuantiti hasil tanaman dapat diperkukuhkan untuk pasaran dalam negeri dan juga luar negara, di samping menjamin sumber pendapatan pekebun secara berterusan.

Bagi menjamin harga berpatutan, aktiviti hiliran dan pemasaran juga akan terus dimantapkan dengan menambahbaik khidmat sokongan di sepanjang rantai nilai menerusi perluasan program yang bersepadu daripada peringkat pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran seperti ladang kontrak bagi memastikan industri agromakanan terus berdaya saing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK IR. DR. WEE KA SIONG**

KAWASAN : **AYER HITAM**

TARIKH : **25.3.2014 (SELASA)**

NO. SOALAN : **53**

Y.B. DATUK IR. DR. WEE KA SIONG minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan butir-butir lanjut pembayaran insentif bagi Kenderaan Tamat Hayat (ELV) yang akan diluputkan. Apakah implikasi Dasar Automotif Nasional (NAP3) terhadap pengusaha/penjual kenderaan terpakai dan apakah pendekatan "*soft landing*" bagi membantu mereka.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan dasar tempoh jangka hayat kenderaan pada masa ini. Di bawah NAP 2014, Kerajaan hanya memperkenalkan pemeriksaan kenderaan secara sukarela bagi tujuan memastikan kenderaan adalah selamat dan sesuai digunakan di jalan raya.

Oleh yang demikian, tiada insentif disediakan bagi tujuan pemeriksaan kenderaan secara sukarela.

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan soalan mengenai pendekatan "*soft landing*" bagi membantu pengusaha/penjual kenderaan terpakai menghadapi implikasi pelaksanaan dasar dan langkah-langkah di bawah NAP 2014, Kerajaan sedar bahawa industri automotif tempatan perlu dimajukan lagi supaya ianya menjadi industri yang lebih berdaya saing dan seterusnya dapat memberikan faedah kepada rakyat, terutamanya dalam menawarkan kereta dengan harga yang berpatutuan.

Dalam hal ini, bagi mengurangkan impaknya kepada semua pihak berkepentingan, termasuk sektor perniagaan kereta terpakai, Kerajaan mengambil langkah strategik, khususnya dalam mengurangkan harga kenderaan secara berperingkat berlandaskan kepada keperluan pasaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK IR. DR. WEE KA SIONG**

KAWASAN : **AYER HITAM**

TARIKH : **25.3.2014 (SELASA)**

NO. SOALAN : **53**

Y.B. DATUK IR. DR. WEE KA SIONG minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan butir-butir lanjut pembayaran insentif bagi Kenderaan Tamat Hayat (ELV) yang akan diluputkan. Apakah implikasi Dasar Automotif Nasional (NAP3) terhadap pengusaha/penjual kenderaan terpakai dan apakah pendekatan “*soft landing*” bagi membantu mereka.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan dasar tempoh jangka hayat kenderaan pada masa ini. Di bawah NAP 2014, Kerajaan hanya memperkenalkan pemeriksaan kenderaan secara sukarela bagi tujuan memastikan kenderaan adalah selamat dan sesuai digunakan di jalan raya.

Oleh yang demikian, tiada insentif disediakan bagi tujuan pemeriksaan kenderaan secara sukarela.

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan soalan mengenai pendekatan "*soft landing*" bagi membantu pengusaha/penjual kenderaan terpakai menghadapi implikasi pelaksanaan dasar dan langkah-langkah di bawah NAP 2014, Kerajaan sedar bahawa industri automotif tempatan perlu dimajukan lagi supaya ianya menjadi industri yang lebih berdaya saing dan seterusnya dapat memberikan faedah kepada rakyat, terutamanya dalam menawarkan kereta dengan harga yang berpatutuan.

Dalam hal ini, bagi mengurangkan impaknya kepada semua pihak berkepentingan, termasuk sektor perniagaan kereta terpakai, Kerajaan mengambil langkah strategik, khususnya dalam mengurangkan harga kenderaan secara berperingkat berlandaskan kepada keperluan pasaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
KAWASAN : SEKIJANG
TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)
NO. SOALAN : 54

Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mutakhir ini, pengawalan kemasukan sisa-sisa plastik dalam negara semakin membimbangkan dan ada yang tidak mengikut standard prosedur yang ditetapkan:

- a. berapakah jumlah sisa plastik yang diimport masuk ke dalam negara ini sejak 2008 hingga 2013 mengikut negara asal; dan**
- b. apakah ada akta yang dapat mengawal dan mengekang pengimport yang didapati membawa masuk sisa-sisa plastik yang didapati tercemar ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar semasa menetapkan bahawa Lesen Import (AP) sisa plastik hanya diluluskan kepada syarikat yang:

- i. menjalankan aktiviti kitar semula sisa plastik untuk kegunaan sendiri; atau
- ii. menjalankan aktiviti kitar semula sisa plastik untuk pasaran tempatan atau/dan eksport; atau
- iii. menggunakan sisa plastik yang telah dibersihkan secara terus sebagai bahan mentah dalam proses pengeluaran produk.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 2008 hingga 2013, jumlah AP sisa plastik yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti kitar semula ialah sebanyak 1,493 melibatkan sisa plastik berjumlah 799,963 tan metrik. Kebanyakan sisa plastik ini diimport dari negara-negara seperti United Kingdom, Australia, Amerika Syarikat, Jepun, Hong Kong, dan China. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

	Tahun	Bilangan AP	Kuantiti (MT)
1	2008	119	117,181
2	2009	190	111,715
3	2010	227	87,680
4	2011	256	110,597
5	2012	288	119,903
6	2013	413	252,887
	JUMLAH	1,493	799,963

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, pengawalan pengimportan sisa plastik adalah tertakluk di bawah Perintah Kastam Larangan Mengenai Import 2012, Akta Kastam 1967. Dalam melaksanakan pengawalan ini, syarat-syarat pengeluaran AP bagi pengimportan sisa plastik adalah terpakai, iaitu:

- i. Pengilang perlu mempunyai kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk menjalankan aktiviti kitar semula;
- ii. Sisa plastik yang diimport tidak disenaraikan sebagai buangan terjadual atau berbahaya di bawah Akta Kualiti Alam

Sekeliling 1974, Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dan Akta Racun 1952;

- iii. Pengimportan produk di bawah kod tarif 39.15 tidak dibenarkan bagi tujuan pengeksportan semula di bawah kod tarif yang sama; dan**
- iv. AP adalah diperlukan bagi setiap 'consignment' atau setiap kali sisa plastik di bawah Kod Tarif 39.15 diimport.**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]
TARIKH : 25.3.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah yang dibayar kepada Syarikat Azair bagi penyediaan dan penyenggaraan sistem air di sekolah-sekolah luar bandar di Sabah dan Sarawak, dan sama ada setiap sekolah tersebut sudah dibekalkan dengan air bersih dan boleh diminum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan keseluruhan sekolah di Sabah dan Sarawak yang telah menerima bekalan air melalui sistem telaga tiub adalah sebanyak 327 buah dengan jumlah kos pembinaan sebanyak RM154.4 juta.

Walau bagaimanapun, sehingga 31hb Disember 2013 bilangan sekolah yang diselenggara mencatatkan pengurangan daripada bilangan asal mengikut kontrak disebabkan terdapat sekolah yang telah menerima sumber bekalan air awam.

Rjm

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI
(LABUAN)**

**TARIKH : 25.03. 2014
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Lapangan Terbang Labuan di bawah kawalan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM). Berapa lamakah masa diperlukan untuk pesawat dari luar negara sama ada *Corporate Jet* ataupun *Chartered Passenger Flight* untuk mendapatkan kelulusan pendaratan di Lapangan Terbang Labuan. Bolehkah masa untuk mendapatkan kebenaran mendarat itu dipendekkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Lapangan Terbang Labuan adalah di bawah kawalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Masa yang diperlukan bagi mendapatkan kelulusan pendaratan di Lapangan Terbang Labuan untuk pesawat dari luar negara sama ada *Corporate Jet* ataupun *Chartered Passenger Flight* adalah selama 14 hari sebelum tarikh penerbangan.

Walau bagaimanapun masa permohonan boleh dipendekkan berdasarkan keutamaan dan tertakluk kepada kepentingan dan tujuan penerbangan.

NO. SOALAN: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 25 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN :

YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang jumlah pengeluaran hasil telaga Damar dalam Blok PM-303 hasil usaha sama antara ExxonMobil dan Petronas Carigali Sdn. Bhd. yang telah mengeluarkan hasil sejak Januari 2014. Memandangkan jaraknya hanya 109km dari daratan Kelantan ,berapakah bayaran tunai yang sepatutnya dibayar kepada Kerajaan Negeri Kelantan hasil gas asli dari telaga ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pengeluaran gas asli dari telaga damar (gas PSC) yang terletak lebih dari 3 batu nautika dari garis air surut mula beroperasi pada penghujung bulan Januari 2014 dan ianya masih di dalam peringkat penstabilan di mana kadar pengeluarannya masih belum dapat ditentukan dengan tepat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah]**
TARIKH : **25 MAC 2014**
SOALAN :

Y.B. Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah pelajar-pelajar yang berjaya mendapat tempat di IPTA tempatan mengikut pecahan kaum dan jantina bagi tempoh tahun 2008 hingga 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kemasukan pelajar tempatan di IPTA bagi tahun 2008 adalah seramai 125,169 orang. Pada tahun 2009, peningkatan jumlah kemasukan adalah sebanyak 13 peratus, iaitu seramai 146,155 orang. Pada tahun 2010, peningkatan jumlah kemasukan adalah sebanyak 10 peratus, iaitu seramai 159,828 orang. Pada tahun 2011 pula peningkatan sebanyak 15 peratus dicatatkan, iaitu seramai 188,766 orang. Manakala pada tahun 2012 pula penurunan sebanyak 9 peratus, iaitu seramai 173,245 orang.

Pada tahun 2012, jumlah kemasukan bagi Bumiputera adalah 154,592 orang, yang terdiri daripada 55,434 orang pelajar lelaki dan 99,518 orang pelajar perempuan. Manakala bukan bumiputera adalah seramai 18,653 orang, yang terdiri daripada 6,893 orang pelajar lelaki dan 11,760 orang pelajar perempuan.

Rjm

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
KAWASAN : TITIWANGSA
TARIKH : 25 MAC 2014, SELASA

SOALAN:

YB. DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI (TITIWANGSA) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:

- (a) berapakah jumlah operator tol yang tidak meningkatkan kadar tol mereka pada tahun 2014; dan
- (b) berapakah jumlah yang terpaksa dibelanjakan oleh Kerajaan sebagai ganti rugi kepada operator tol tersebut.

JAWAPAN:

(a) & (b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, pada tahun 2014 terdapat 14 lebuhraya yang telah ditangguhkan kenaikan kadar tol.

Lanjutan daripada penangguhan kenaikan kadar tol tersebut, anggaran jumlah pampasan yang perlu di bayar oleh Kerajaan ialah sebanyak RM400 juta.

Sekian. Terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]

TARIKH : 25 MAC 2014

SOALAN :

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tentang pencemaran air sungai setelah dasar cintakan sungai kita diperkenalkan, apakah indicator pencapaian pemuliharaan sungai kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) mempunyai stesen pengawasan kualiti air sungai yang terdiri daripada 891 stesen manual dan 10 stesen telemetri (automatik) yang ditempatkan di 504 batang sungai di seluruh negara dengan menggunakan Indeks Kualiti Air (IKA) sebagai Indikator kualiti air sungai di Malaysia. IKA ini diukur berdasarkan 6 parameter yang telah ditentukan.

Kualiti air sungai dibahagikan kepada 3 kategori iaitu Bersih, Sederhana Tercemar dan Tercemar. Bagi tahun 2013, sebanyak 273 sungai dikategorikan sebagai bersih, 173 sederhana tercemar dan 25 berada dalam kategori tercemar.

Oleh itu, peningkatan bilangan sungai berstatus bersih dan peningkatan nilai IKA dijadikan indikator pencapaian pemuliharaan sungai di negara ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN CHARLES ANTHONY**
SANTIAGO

KAWASAN : **KLANG**

TARIKH : **25.03.2014 (SELASA)**

NO. SOALAN : **61**

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan hasil daripada kajian analisa kos-faedah yang dibuat oleh Kementerian mengenai penilaian dan impak daripada Perjanjian Perdagangan Bebas (Free Trade Agreements) yang Malaysia telah menandatangani secara bi-lateral dan multi-lateral dan apakah pendirian Kerajaan mengenai kritikan pihak NGO dan kesatuan sekerja yang tidak ada kepercayaan serta keyakinan mengenai proses rundingan TPPA dengan Kementerian.

berbanding dengan produk-produk daripada negara-negara yang tidak mempunyai FTA.

Dari segi pelaburan pula, pelabur-pelabur dapat menikmati ketelusan dan ketentuan (*certainty*) dengan adanya bab khusus mengenai pelaburan yang menghuraikan sektor-sektor yang terbuka serta peraturan-peraturan yang diamalkan. Ketelusan dan ketentuan ini menyebabkan pelabur-pelabur lebih yakin untuk melabur di negara rakan FTA. Di samping menarik pelabur ke Malaysia, bab pelaburan juga telah memberi faedah kepada syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di negara rakan FTA. Mereka diberi layanan yang sama dengan pelabur tempatan (*national treatment*) dan pelaburan mereka dilindungi di bawah undang-undang tempatan.

Tuan Yang DiPertua,

Mengenai persoalan kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Klang iaitu mengenai kritikan pihak NGO dan kesatuan sekerja yang tidak ada kepercayaan serta keyakinan mengenai proses rundingan TPPA, dalam hal ini sebagaimana yang Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk NGO dan kesatuan sekerja. Konsultasi ini diadakan samada secara terbuka dengan semua pihak ataupun dengan

kesatuan-kesatuan tertentu. Bagi 2013 sahaja sebanyak 53 sesi konsultasi telah diadakan dengan pelbagai pihak berkepentingan mengenai TPP. Konsultasi ini bukan sahaja diadakan oleh Kementerian ini tetapi turut juga diadakan oleh Kementerian-kementerian lain mengenai isu-isu TPP dibawah bidangkuasa mereka. Mereka telah diberi peluang untuk mengemukakan kebimbangan mereka dimana segala input yang diperolehi dari semua pihak berkepentingan telah dan akan digunakan oleh perunding-perunding Malaysia dalam rundingan.

Sebagaimana yang diperjelaskan sebelum ini, dalam merundingkan TPPA Kerajaan akan memastikan kepentingan negara dan rakyat tidak terjejas. Kerajaan tidak akan menandatangani mana-mana perjanjian sekiranya perjanjian tersebut tidak memberi manfaat kepada negara.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG]
TARIKH : 25 MAC 2014 (SELASA)
SOALAN : Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan keberhasilan usaha setakat ini untuk menangani kegiatan orang tengah yang mengaut keuntungan daripada titik peluh sektor pertanian, perladangan dan perikanan.
JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan menyedari bahawa peranan orang tengah tidak boleh dinafikan dan wajar dihargai, namun bilangannya perlu diminimakan dan dikawal bagi mengelakkan manipulasi secara berleluasa terhadap pengeluar dan pengguna, khususnya para petani dan nelayan. Dalam hal ini, peranan orang tengah dapat dikurangkan sekiranya kita dapat memendekkan rantaian nilai dengan memastikan lapisan atau *tier* pemasaran dikurangkan seterusnya menguasai setiap peringkat rantaian nilai dari pengeluar, pengedar dan pemasar hasil pertanian iaitu dari ladang hingga ke pengguna.

Dalam hal ini Kerajaan telah mengenal pasti beberapa strategi utama dalam mengatasi permasalahan monopoli atau manipulasi orang tengah iaitu:

- meningkatkan pengeluaran bekalan agromakanan utama seperti ikan, sayuran, buah-buahan, ayam, dan daging;
- memendekkan rantaian nilai seperti memperkukuh dan memantapkan saluran pemasaran sedia ada;
- mewujudkan saluran pemasaran yang baharu;

- meningkatkan *market share* (dengan izin) pasaran produk agromakanan oleh agensi pemasaran seperti FAMA, LKIM dan LPP; dan
- menambahbaik skim, bantuan, kemudahan, dan program sokongan sedia ada untuk pengeluar.

Tuan Yang Dipertua,

Program jihad memerangi orang tengah dilancarkan secara berperingkat-peringkat. Bagi subsektor padi, majlis pelancarannya telah diadakan pada 16 Januari 2014 di Kota Baharu, Kelantan.

Sebanyak empat (4) strategi untuk subsektor padi yang dilaksanakan iaitu:

- (i) Menggerakkan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai badan pengurusan bagi pembelian padi dari pesawah terus ke kilang melalui Pusat Belian Padi (PBP). Jumlah penglibatan petani dalam urusan beli padi melalui PPK (70% daripada jumlah keseluruhan petani iaitu 71,345 orang pesawah akan terlibat. Sebanyak 8 buah PBP dijangka akan disiapkan pada tahun 2014;
- (ii) Penyeragaman harga padi di Semenanjung pada kadar: RM1,200/mt (tertakluk kepada mutu sebenar padi). Pelaksanaan pemutuan sebenar padi di PBP yang melibatkan PPK, petani, BERNAS dan juga di kilang padi swasta. Manakala pemindahan padi antara negeri dibenarkan tertakluk kepada pengeluaran permit oleh Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras (KPB). Buat masa ini beberapa siri penerangan berhubung dengan pemutuan sebenar padi dan penyeragaman harga telah dilaksanakan di semua peringkat;
- (iii) Dana Kebajikan Petani yang diuruskan oleh setiap PPK dengan modal pusingan sebanyak RM100,000.00 kepada setiap PPK. Majlis penyerahan dana kepada PPK dijangka akan diadakan pada 22 Mac 2014 di PPK Beseri Perlis;

- (iv) memantapkan pengagihan beras subsidi ST15 dengan perkara-perkara berikut:
- pengagihan dilaksanakan di PBP /PPK/ Kilang Beras BERNAS;
 - pelabelan - Kampit beras ST15 perlu dilabel dengan “Kegunaan Isi Rumah Warganegara Malaysia Sahaja” dan pembelian dihadkan dua (2) kampit untuk satu keluarga;
 - dipasarkan di kedai-kedai seperti berikut:
 - Kedai Agro bazar, Kedai KRIM, Kedai TUKAR, PERNAMA, Kedai Peladang dan sebagainya;
 - penjualan di hypermarket akan dihentikan; dan
 - dilaksanakan bermula pada 1 April 2014.

Majlis pelancaran jihad memerangi orang tengah dalam sub-sektor perikanan telah diadakan pada 9 Februari 2014 di Kuantan, Pahang.

Sebanyak 8 strategi utama yang akan dilaksanakan iaitu:

- (i) Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan memainkan peranan untuk membeli terus hasil tangkapan nelayan dengan menawarkan harga setanding dengan yang ditawarkan oleh orang tengah. Sehingga ini sebanyak RM 12 Juta telah diterima oleh NEKMAT untuk membeli terus dan menjual hasil tangkapan nelayan;
- (ii) mengambil alih hutang nelayan sebanyak RM40 juta daripada orang tengah menerusi Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional. Buat masa ini TEKUN sedang memperhalusi mekanisma pelaksanaan dan dijangka program akan dapat dilaksanakan penghujung Mac 2014;
- (iii) menyediakan tabung pinjaman tanpa faedah untuk kecemasan sebanyak RM50,000 kepada 87 Persatuan Nelayan Kawasan termasuk Sabah dan Sarawak menerusi NEKMAT. Mekanisma pelaksanaan sedang disediakan oleh LKIM;
- (iv) menyediakan tabung pinjaman mudah menerusi TEKUN Nasional bagi membeli bot ataupun sampan serta peralatan penangkapan;

- (v) menambah 50 pasar nelayan baharu di seluruh negara bagi membolehkan nelayan atau keluarga memasarkan terus hasil jualan. Tapak-tapak telah dikenal pasti dan sedang dalam proses mendapatkan kebenaran menduduki oleh Kerajaan Negeri;
- (vi) nelayan menjual terus hasil tangkapan mereka kepada NEKMAT untuk tujuan sejuk beku yang akan dipasarkan melalui outlet Program Ikan Rakyat. Sebanyak 112 outlet Ikan Rakyat telah beroperasi di seluruh negara. Lokasi outlet baru akan dikenal pasti;
- (vii) mewujudkan lebih banyak pusat pengumpulan (CC) dan pusat pengedaran (DC). Lokasi CC dan DC yang baru sedang dikenal pasti; dan
- (viii) menyediakan lebih banyak tapak niaga di pasar tani dan konsep jualan terus secara *Fish-On-Wheel*. Sehingga kini sebanyak 258 daripada 517 pasar tani telah disertai oleh NEKMAT/ Persatuan Nelayan Negeri/ Persatuan Nelayan Kawasan dan terdapat 4 buah motosikal roda tiga sedang diusahakan oleh Persatuan Nelayan Kuantan.

Berhubung dengan keberkesanan program jihad orang tengah ini, walaupun inisiatif masih baru dilancarkan namun impaknya telah mula dirasai. Bagi subsektor padi, para petani telah mendapat faedah berikutan penyelarasan harga padi dan sebagai contoh, musim tuaian pertama bagi pesawah di Rompin dan di Pasir Puteh, mereka telah menghantar padi untuk proses melalui PPK. Bagi subsektor perikanan, NEKMAT dan Persatuan Nelayan membeli terus hasil tangkapan daripada nelayan dan menjualnya di pasar-pasar tani kendalian FAMA.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]
TARIKH : 25 MAC 2014 (SELASA)
SOALAN : Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan menyatakan sebab sebab kematian ikan berkelompok yang berlaku di perairan Tanjung Kupang sepanjang Selat Johor dalam bulan Februari, dan tindakan yang diambil untuk melindungi 250 orang nelayan, 10 ladang ikan serta sistem-ekologi di sekitar kawasan berkenaan.
- JAWAPAN OLEH** : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan telah membuat kajian berikutan kematian ikan yang dialami oleh penternak di perairan Tanjung Kupang, Johor. Kajian tersebut menunjukkan kematian ikan tersebut adalah disebabkan oleh plankton dari jenis *dinoflagellate*. Sampel air yang dianalisa oleh Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia telah menemui *dinoflagellate kalodinum veneficum* dan *kalodinum micrum* pada kepadatan tinggi iaitu melebihi sejuta/liter air. Kedua-dua *dinoflagellates* tersebut adalah toksik kepada ikan kerana boleh menyebabkan paras oksigen di dalam air menjadi rendah.

Pihak Jabatan Perikanan juga melakukan pemantauan berkala kualiti air dan ikan melalui program *National Shellfish Sanitation Programme* (NSSP) dan *Sanitary and Phytosanitary*. Di samping itu, Jabatan turut mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk ternakan ikan dalam sangkar. Pemantauan dan pematuhan terhadap NSSP oleh penternak di sangkar ternakan masing - masing juga amat perlu memandangkan populasi *dinoflagelat* adalah bergantung kepada keadaan suhu,

saliniti (kemasinan air bagi air laut), nutrien, cahaya dan kedalaman pada satu-satu kawasan.

Selain itu, pada 11 Februari 2014 Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut telah menjalankan pemantauan dan mendapati tidak terdapat kawasan perindustrian dan kesan tumpahan minyak di sekitar kawasan ternakan ikan di Tanjung Kupang. Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut menjalankan pemantauan kualiti air laut di kawasan Tanjung Kupang yang dijalankan sebanyak 3 kali setahun bagi mengesan dan memantau sebarang perubahan kepada kualiti air di kawasan berkenaan. Berdasarkan pemantauan kualiti air yang dilakukan di stesen pengawasan air laut Tanjung Kupang, pada tahun 2013 didapati kualiti air laut berada pada kategori baik.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]**

TARIKH : **25.3.2014**

SOALAN :

Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada peruntukan RM40 juta yang diumumkan kelulusannya oleh Menteri Pendidikan pada tahun lalu sedia untuk digunakan pada tahun 2014 untuk melaksanakan sekolah baru SMK Desa Wawasan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius akan keperluan pembinaan sekolah bagi memastikan kesemua rakyat Malaysia mendapat akses pendidikan yang sewajarnya. Sehubungan dengan itu, kementerian telahpun mengemukakan permohonan peruntukan untuk projek pembinaan SMK Desa Wawasan dalam *Rolling Plan* Keempat bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG
NYUK FOH
KAWASAN : SANDAKAN
TARIKH : 25 MAC 2014, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH (SANDAKAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian boleh kemukakan sebarang *feasibility study* tentang pembinaan lebuh raya untuk menyambungkan Kota Kinabalu-Sandakan-Tawau, dan asas-asas yang menyokong cadangan Menteri pada 25 November 2013 di Dewan Rakyat bahawa lebuh raya ini tidak praktikal seperti diminta oleh rakyat Sabah walaupun selepas 50 tahun penubuhan Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan YB. Menteri Kerja Raya di Dewan Rakyat pada 25 November 2013 yang lalu itu merujuk kepada cadangan pembinaan lebuh raya bertol di Sabah dan Sarawak yang kini masih belum dapat dilaksanakan seperti mana konsep penswastaaan lebuh raya bertol di Semenanjung Malaysia.

Lebuh raya bertol memerlukan bilangan trafik yang tinggi demi memastikan pelaksanaannya berdaya maju. Pada masa kini jumlah trafik di jalan-jalan utama Sabah dan Sarawak masih lagi rendah, kecuali di bandar-bandar utama seperti Kuching dan Kota Kinabalu. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus menggiatkan usaha untuk membina dan menaik taraf jalan-jalan utama tanpa tol sedia ada di Sabah dan Sarawak, khususnya Jalan Pan Borneo yang akan dinaik taraf secara berperingkat sehingga tahun 2025 dan Jalan-Jalan Persekutuan utama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian komprehensif mengenai Jalan Pan Borneo, termasuk Jalan Kota Kinabalu – Sandakan – Tawau telah dibuat pada tahun 2010 menerusi Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya, Sabah dan Sarawak (HNDP Fasa 2). Kajian tersebut antara lain telah mencadangkan keseluruhan Jalan Pan Borneo sepanjang 2,239km dinaikkan taraf kepada laluan *dual-carriageway* secara berperingkat sehingga tahun 2025.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tuan William @ Nyallau
anak Badak [LUBOK ANTU]**

TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 66

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kenapakah pelaksanaan projek bekalan air paip belum beroperasi hingga sekarang walaupun loji airnya telah pun siap.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan loji bagi Projek Membina dan Menyiapkan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Lubok Antu, Bahagian Sri Aman, Sarawak secara fizikalnya telah siap dan kini dalam proses pengujian dan pentauliahan (*testing & commisioning*). Loji tersebut dijangka akan dapat beroperasi sepenuhnya dan air juga akan dapat disalurkan kepada pengguna pada penghujung bulan Mei 2014.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]
TARIKH : 25 MAC 2014
SOALAN :

YB Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan projek pembinaan satu *Health Clinic* yang bertempat di Lot 286 Block 121 *Sarikei Land District*. Tanah tersebut telah diambil alih oleh Kementerian untuk projek tersebut 5 tahun yang lepas, setakat manakah perancangan dan pelaksanaan projek tersebut. Kenapakah projek pembinaan klinik tersebut belum dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyedari adanya keperluan untuk membina sebuah klinik kesihatan di Sarikei. Projek ini telah dimasukkan ke dalam *Rolling Plan* Ketiga (RP3) dan *Rolling Plan* Keempat (RP4) di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Walau bagaimanapun, disebabkan kekangan peruntukan bagi menampung semua projek-projek pembangunan yang dikenalpasti di seluruh Negara termasuk di Sarikei, projek ini tidak diluluskan. Namun begitu, Kementerian ini akan memohon semula semula projek ini di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

TARIKH : 25 MAC 2014

RUJUKAN : 6559

SOALAN:

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah warganegara China yang masuk ke Sarawak sebagai pengurut di *reflexology centre* dari tahun 2000 sehingga sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah warganegara China yang masuk ke Sarawak sebagai pengurut di *reflexology centre* dari tahun 2009 sehingga 2013 adalah seramai 1,394 orang, 1,339 orang, 1,981 orang, 2,274 orang dan 670 orang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 25 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN : 69

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan senarai filem yang menerima Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) dan jumlah insentif yang diterima.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan ITFC berkuatkuasa pada 1 Julai 2011. Antara syarat-syarat pemberian ITFC ialah filem cereka tempatan yang telah ditayangkan di pawagam dan berdaftar melalui Skim Wajib Tayang pada atau selepas 1 Julai 2011. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 42 buah syarikat penerbitan telah menerima ITFC dengan melibatkan pembayaran Insentif sebanyak RM14,485,815.22

TUNTUTAN INSENTIF TAYANGAN FILEM CEREKA (ITFC) 2013

BIL.	NAMA SYARIKAT	JUDUL FILEM	JUMLAH (RM)
1.	Metrowealth Pictures Sdn. Bhd.	<i>Aku Terima Nikahnya</i> <i>8 Jam</i> <i>Ngongkrong</i> <i>PE 3</i> <i>Taikun</i> <i>Hanya Aku Cinta Kau Seorang</i> <i>X</i> <i>Ajiboy</i> <i>Aji Noh Motor</i> <i>Salam Cinta</i> <i>Budak Pailang</i> <i>Strawberi Cinta</i> <i>Minyak Dagu</i> <i>Adnan Sempit</i> <i>Wawa Sempit</i> <i>Dua Kalimah</i> <i>Pada Suatu Cinta Dahulu</i> <i>Cerita Kita</i> <i>99 Kali Rindu</i> <i>Bro, Nampak Motor Gua</i> <i>1 Lawan Satu</i>	3,589,403.98

SOALAN NO : 69

2.	Primeworks Studios Sdn. Bhd.	<i>Rock Oo</i> <i>Raya Tak Jadi</i> <i>Klip 3GP</i> <i>Chow Kit</i> <i>Bisikan Syaitan</i> <i>Sembunyi</i> <i>Kil</i> <i>Pecah</i> <i>Songlap</i> <i>Ngorat</i> <i>Sesuatu Yang Tertinggal</i>	2,081,413.21
3.	Astro Shaw Sdn. Bhd.	<i>Untuk Tiga Hari</i> <i>Hoore! Hoore!</i> <i>Lagenda Budak Setan 2</i> <i>Husin, Mon & Jin Pakai Tonicit</i> <i>Awan Dania The Movie</i> <i>The Collector (Mandarin)</i>	1,240,023.03
4.	KRU Studios Sdn. Bhd.	<i>Hantu Kapcai</i> <i>Kahwin 5</i> <i>29 Februari</i>	599,184.59
5.	Asia Tropical Films Sdn. Bhd.	<i>The Golden Couple</i> <i>The Wedding Diary 2</i>	549,986.91
6.	Genius Parade Sdn. Bhd.	<i>Karma Reborn</i> <i>Vajram</i> <i>Misteri Bisikan Pontianak</i>	420,000.00

SOALAN NO : 69

7.	Excellent Pictures Sdn. Bhd.	<i>Apa Celop Toqq</i> <i>Gangster Celop</i> <i>Lari</i>	388,951.21
8.	Double Vision Sdn. Bhd.	<i>Paper Moon</i> <i>Ghost Buddies</i>	280,000.00
9.	Vision Works (M) Sdn. Bhd.	<i>Pontianak VS Orang Minyak</i> <i>Berani Punya Budak</i>	311,446.20
10.	Prodigee Media Sdn. Bhd.	<i>Hantu Gangster</i>	340,657.25
11.	The Film Engine Sdn. Bhd.	<i>Once Upon A Time</i>	434,227.58
12.	Skop Productions Sdn. Bhd.	<i>Sam</i>	187,393.05
13.	Work Move Production Sdn. Bhd.	<i>Man Sewel Datang KL</i>	140,000.00
14.	I-Insan Multimedia Sdn. Bhd.	<i>Seram Sejuk</i>	140,000.00
15.	Multimedia Entertainment Sdn. Bhd.	<i>Hantu Air</i>	140,000.00
16.	RR Empire Sdn. Bhd.	<i>Halim Munan</i>	140,000.00
17.	Naga VXS Sdn. Bhd.	<i>Estet</i>	140,000.00
18.	Million Europhia Sdn. Bhd.	<i>Abuya</i>	140,000.00
19.	Artistik Pictures Sdn. Bhd.	<i>Toyol Nakal</i>	140,000.00

SOALAN NO : 69

20.	Tayangan Unggul Sdn. Bhd.	<i>Aku, Kau & Dia</i>	140,000.00
21.	Nusanbakti Corporation Sdn. Bhd.	<i>Sofazr The Movie Jiwa Kacau</i>	140,000.00
22.	Bruang Filem Sdn. Bhd.	<i>Zaiton, Ceritaku</i>	140,000.00
23.	Bagus Tiasa Sdn. Bhd.	<i>Leftwings</i>	140,000.00
24.	Silver Ant Sdn. Bhd.	<i>Seafood</i>	238,439.57
25.	Mahu Pictures Sdn. Bhd.	<i>Kepong Gangster</i>	201,481.86
26.	NGP Film Sdn. Bhd.	<i>Adutha Khatam</i>	140,000.00
27.	Juita Viden	<i>Juvana</i>	285,600.85
28.	PTV Film Production Sdn. Bhd.	<i>Sepah The Movie</i>	193,437.87
29.	Adik Manja Sdn. Bhd.	<i>Adik Manja Returns</i>	140,000.00
30.	Axis Line Entertainment Sdn. Bhd.	<i>Prince Of The City</i>	140,000.00
31.	Megamovie Sdn. Bhd.	<i>Gila-Gila Remaja 2</i>	140,000.00
32.	Tall Order Productions Sdn. Bhd.	<i>Lawak Ke Der?</i>	163,880.15

SOALAN NO : 69

33.	3Line Media Sdn. Bhd.	<i>Kecoh Hantu Raya Tok Chai</i>	140,000.00
34.	White Merpati Entertainment Sdn. Bhd.	<i>Kerat 14</i>	140,000.00
35.	Mar Energetic Industries Sdn. Bhd.	<i>Tokak</i>	140,000.00
36.	Armnet Integrated Sdn. Bhd.	<i>Mencari Cinta</i>	140,000.00
37.	Fantastic Villa Sdn. Bhd.	<i>Cinta Beruang</i>	140,000.00
38.	ATV Pictures Sdn. Bhd.	<i>Ops Koss Dappa 3</i>	115,500.00
39.	Ops Pictures Sdn,. Bhd.	<i>Dampak</i>	60,680.08
40.	Fenomena Seni Produksi (M) Sdn. Bhd.	<i>Kaliyugha</i>	2,179.26
41.	Snap Productions Sdn. Bhd.	<i>Olipathivu</i>	1,331.23
42.	Boss Pictures Sdn. Bhd.	<i>Maraimugam</i>	597.64
JUMLAH KESELURUHAN			14,485,815.22

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B.Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh]
TARIKH : 25 MAC 2014
SOALAN :

Y.B.Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah polisi-polisi negara digubal berdasarkan kepada kajian-kajian ilmiah yang dilakukan oleh tenaga akademik di universiti.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan setiap dasar yang digubal mengambil kira hasil dan dapatan kajian ilmiah yang dilaksanakan oleh tenaga akademik dalam pelbagai bidang di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini, di samping mengambil pandangan daripada agensi-agensi luar seperti World Bank, UNESCO, UN, OECD dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun KPM memperuntukkan dana khas di bawah Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) untuk tujuan kajian polisi. Ini adalah bagi memastikan setiap dasar baru yang digubal mempunyai asas yang konkrit untuk dimajukan bagi kebaikan dan pembangunan negara selaras untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju. Dasar-dasar baru yang diketengahkan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN) yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Pendidikan. Majlis ini mempunyai keahlian daripada pelbagai latar belakang, iaitu daripada sektor awam, swasta mahupun industri untuk diperdebatkan sebelum diluluskan.

Sehubungan itu, Kementerian juga akan melaksanakan kajian semula ke atas dasar-dasar yang telah diluluskan melebihi tempoh masa tertentu bagi memastikan dasar tersebut mengikut perkembangan semasa. Kepakaran yang sedia ada di IPT akan sentiasa dirujuk agar mereka dapat bersama-sama dengan Kementerian dalam penggubalan polisi dan dasar berkaitan pendidikan di peringkat sekolah dan juga di peringkat tertiar.

Antara dasar besar yang telah diwujudkan di peringkat pengajian tinggi dengan menggunakan kepakaran ahli-ahli akademik di IPT adalah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) (2006 – melangkaui 2020), *Graduate Employability Blueprint (2012 -2017)*, Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT, Pelan Strategik Keusahawanan IPT (2013-2015), Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Nasional (2011-2020), *Malaysia's Global Reach: A New Dimension* dan lain-lain.

NO. SOALAN: 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA
BESAR]**

TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha transformasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui NKRA memerangi rasuah yang diperkenalkan sejak 2009 dan sejauh manakah keberkesanan dan keberhasilan itu dicapai setakat ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah meletakkan usaha Pembanterasan Rasuah sebagai salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara dan Kerajaan sangat komited dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang dicadangkan di bawah NKRA memerangi rasuah yang telah diperkenalkan sejak tahun 2009.

Malaysia juga merupakan negara pertama di dunia yang meletakkan usaha pembanterasan rasuah sebagai agenda negara. Usaha NKRA melalui inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan telah menjadikan Malaysia sebagai tanda aras (*benchmark*) kepada negara-negara lain seperti Indonesia, Bhutan, Tanzania dan India.

Antara aspirasi utama kerajaan bagi membanteras rasuah di bawah NKRA adalah meraih semula keyakinan terhadap agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan serta mengurangkan ketirisan dana dalam perolehan kerajaan. Sehingga kini usaha membanteras rasuah melalui NKRA di bawah GTP telah membawa banyak perubahan yang positif serta meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap perkhidmatan sektor awam/kerajaan. Ini telah dapat dilihat daripada keputusan *Corruption Perception Indeks* (CPI) yang telah mula meningkat.

Di antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan dan telah menunjukkan impak yang positif adalah:

- i. Penubuhan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah yang telah berjaya menyelesaikan kes-kes rasuah yang lama tertunggak, menyelesaikan kes-kes rasuah semasa dalam masa yang singkat dalam tempoh tidak melebihi satu tahun kecuali bagi kes-kes rumit atau berprofil tinggi dan menyelaraskan bentuk hukuman serta penetapan hukuman lebih tegas kepada pesalah yang disabitkan dengan kesalahan rasuah.
- ii. Penubuhan Unit Pematuhan di Lima Agensi Penguatkuasa utama yang kini telah diperluaskan perlaksanaan dengan penubuhan Unit Integriti di semua agensi. Melalui inisiatif ini beberapa inisiatif lain juga dilaksanakan iaitu mengurangkan karenah birokrasi dalam jabatan, melaksanakan '*Hot Job Rotation*' (Pusingan kerja bagi kerusi dan jawatan berisiko), mengurangkan kuasa budi bicara melalui automasi dan menggalakkan penggunaan sistem bagi mengurangkan risiko rasuah terutamanya di kalangan pegawai penguatkuasa dan orang awam.
- iii. Pelaksanaan '*Integrity Pact*' (Perjanjian Integriti) di antara pegawai yang terlibat dalam perolehan atau projek-projek Kerajaan dengan pihak vendor/kontraktor/pembekal. Bagi projek besar yang bernilai RM100 juta ke atas, pemantauan oleh pihak ketiga adalah mandatori serta pemakaian klausa arbitrase bagi menggalakkan pihak-pihak menjalankan kerja

dengan lebih berhati-hati dan mengelakkan pertikaian kerana akan menyebabkan kos yang tinggi kepada kedua-dua pihak.

- iv. Pelaksanaan *Corporate Integrity Pledge* (CIP) mendapat sambutan di kalangan sektor korporat di mana lebih 300 syarikat telah tampil menandatangani *Corporate Integrity Pledge* (CIP) dan bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam usaha menyediakan langkah-langkah pencegahan rasuah dalam organisasi mereka.
- v. Pelaksanaan Pangkalan Data Pesalah Rasuah yang mana telah berjaya membawa impak yang besar kerana identiti pesalah yang disabitkan dengan kesalahan rasuah akan dipaparkan di portal SPRM telah memberi kesedaran dan menyebabkan penurunan mendadak statistik penglibatan rasuah di kalangan penjawat awam. Pangkalan data ini juga mendapat sokongan di mana pihak bank mengakses bagi tujuan pengambilan pekerja dan digunapakai oleh pihak kedutaan Amerika Syarikat bagi tujuan pengeluaran visa ke negara mereka.

Antara inisiatif baru melalui GTP fasa 2 atau GTP 2.0 yang telah berjaya dilaksanakan adalah penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah di 27 Institut Pendidikan Guru di seluruh negara dan memasukkan elemen anti-rasuah dalam kurikulum pendidikan sekolah dan pembelajaran secara rentas.

Sekian, terima kasih

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Abd. Aziz bin Haji
Sheikh Fadzir
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 72

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah pelan strategik yang dirangka untuk menaik taraf kawasan-kawasan di luar bandar bukan hanya setakat membuat program yang dapat membantu menaikkan taraf kehidupan masyarakat luar bandar dan bagaimanakah Kementerian membantu pencapaian kawasan luar bandar setaraf dengan kawasan bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian telah menggubal Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) sebagai satu dasar utama yang menyokong dasar dan program nasional di luar bandar termasuk. Berlandaskan tujuh teras yang digarap bersama tiga puluh sembilan strategi, usaha yang bersungguh-sungguh dalam meningkatkan keupayaan modal insan dan menyediakan infrastruktur asas telah dilakukan sebagai asas dan syarat untuk menggiatkan lagi aktiviti ekonomi setempat. Kesemua program dan strategi yang dilaksanakan ini adalah untuk membawa seluruh masyarakat luar bandar maju ke hadapan.

Di bawah Program Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) iaitu NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar, selain daripada inisiatif penyediaan infrastruktur asas, Kementerian juga diberi tanggung jawab untuk melaksanakan inisiatif baru iaitu:

- (i) Program Desa Lestari iaitu pendekatan pembangunan dan pemajuan ekonomi kampung melalui koperasi; dan
- (ii) *Rural Business Challenge* (RBC) iaitu program pencarian usahawan sedia ada untuk mengembangkan perniagaan serta keupayaan mereka untuk mewujudkan usahawan baru dan pencarian idea perniagaan di kalangan belia untuk memajukan perniagaan di luar bandar.

Matlamat pelaksanaan kedua-dua inisiatif ini adalah untuk menggalakkan golongan belia kekal di kampung bagi membangunkan kampung-kampung yang mempunyai potensi atau sumber-sumber yang tersendiri dan unik yang boleh dibangunkan menjadi perniagaan luar bandar yang mampan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan kawasan luar bandar menerima perkhidmatan setaraf dengan bandar, Program

Transformasi Luar Bandar atau RTP telah dilaksanakan sejak tahun 2012 bagi memastikan kawasan luar bandar ditransformasikan supaya mampu menarik pelaburan swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi serta menggalakkan generasi muda kembali berkhidmat.

Di bawah RTP, Kementerian diberi tanggung jawab diberi tanggung jawab untuk mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) serta Pusat Transformasi Luar Bandar Mini (Mini RTC) yang berfungsi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar melalui 8 inisiatif iaitu:

- (i) Latihan Kemahiran;
- (ii) Kios Informasi 1Malaysia;
- (iii) Pertanian Bernilai Tinggi;
- (iv) Pemprosesan Produk Agro Makanan;
- (v) Pengurusan Rangkaian Bekalan Hasil Pertanian;
- (vi) Kerjasama Universiti;
- (vii) Perkhidmatan Kesihatan 1Malaysia; dan

(viii) Kemudahan Pembiayaan Kewangan.

Untuk makluman YB juga, selain daripada KKLW, beberapa kementerian/ agensi lain turut melaksanakan program-program di bawah RTP seperti berikut:

- (i) pewujudan Dana Perkhidmatan Profesional bagi golongan profesional seperti peguam, doktor dan akauntan untuk membuka firma di pekan kecil;
- (ii) peningkatan akses perkhidmatan perbankan kepada penduduk luar bandar melalui pelantikan agen-agen BSN di kawasan luar bandar di seluruh negara untuk menyediakan perkhidmatannya; dan
- (iii) penyediaan pinjaman mudah kepada pengusaha bas henti-henti, bas mini dan bas sekolah luar bandar bagi menyediakan kemudahan perkhidmatan bas yang lebih selesa, boleh dipercayai dan berkualiti.

Kementerian telah dan sedang melaksanakan program ameniti sosial bagi melengkapkan kampung-kampung dengan kemudahan seperti balai raya dan kawasan sukan. Selain itu, Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Wilayah seperti KEJORA, KESEDAR, KETENGAH dan KEDA, turut melaksanakan program menyediakan kemudahan di bandar-bandar baharu di kawasan operasi mereka.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]**
TARIKH : **25.3.2014**
SOALAN :

Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai apa-apa perancangan untuk membawa sistem pendidikan pondok ke dalam arus perdana (*mainstream*) sistem pendidikan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh insitusi pondok terhadap pendidikan agama Islam di negara ini sejak sebelum kemerdekaan. Institusi ini telah berperanan menyampaikan pendidikan Islam dan Bahasa Arab kepada umat Islam di negara ini dengan menggunakan kurikulum tersendiri. Setelah negara mencapai kemerdekaan, segelintir kecil institusi pondok telah beroperasi secara bersistem sebagai Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) dengan menggunakan kurikulum Dini Azhari. Kini sebanyak 204 sekolah telah berdaftar sebagai SABK. Manakala sebahagian lagi institusi pondok ini masih mengekalkan status quo mereka.

Kerajaan amat mengalu-alukan pendidikan pondok masuk ke dalam arus perdana (*mainstream*) sistem pendidikan negara dengan mendaftar sebagai

SABK untuk melayakkan sekolah-sekolah ini menerima pelbagai bentuk bantuan sama seperti sekolah bantuan penuh Kerajaan. Langkah-langkah mempromosi dan mendekati Lembaga Pengelola Sekolah SAN dan SAR, institusi pondok dan tahfiz terus giat dilaksanakan oleh KPM supaya mendaftar sebagai SABK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBD KBT) yang telah diiktiraf sebagai Kurikulum Kebangsaan akan mula digunakan di SABK secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2015. Kurikulum ini digubal bertujuan untuk melahirkan golongan agama yang memiliki kemahiran yang pelbagai termasuk di bidang profesional dan teknokrat dan seterusnya memartabatkan pendidikan agama di negara ini.

Rjm68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)
TARIKH : 25.3.2014 (SELASA)
NO. SOALAN : 74

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG) minta
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI menyatakan jumlah syarikat yang diberi kebenaran
untuk berdagang dengan Israel dan jumlah eksport ke dan
import dari Israel sejak tahun 1995

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia tidak mempunyai hubungan ekonomi secara langsung dengan Israel. Perdagangan antarabangsa Malaysia lazimnya dikendalikan oleh syarikat-syarikat antarabangsa atau multinasional (MNCs) melalui rangkaian bekalan antarabangsa (*international supply chain*) mereka. Ia merupakan amalan perniagaan antarabangsa yang berada di luar kawalan Kerajaan.

Dasar Luar Negara adalah tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan Negara Israel. Di samping itu, dari segi perdagangan import dan eksport barangan daripada Israel adalah dilarang di bawah Akta Kastam 1967 (Larangan Import dan Eksport) Pindaan 2008. Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri pada 20 Mac 1996 bersetuju ke atas kelonggaran kawalan import dan eksport Malaysia dan Israel, di mana dari segi pelaksanaannya, semua import dan eksport barang dari Israel tertakluk kepada kelulusan lesen import dan lesen eksport demi memastikan rangkaian bekalan antarabangsa ini tidak terjejas.

Selain dari menghormati amalan rangkaian bekalan antarabangsa, aktiviti perdagangan lain yang berlaku adalah

juga untuk terus menyokong pembangunan ekonomi Palestin. Ini kerana, semua produk eksport Malaysia yang dikhususkan untuk pasaran ke Palestin dan ke wilayah Gaza hanya boleh dibawa masuk melalui Pelabuhan Ashdod di wilayah Israel memandangkan Palestin adalah sebuah negara *landlocked* dengan izin, kerana satu-satunya pelabuhan di wilayah Palestin dan Gaza masih disekat secara *unilateral* dengan izin, oleh Israel. Kesemua pintu masuk ke Palestin adalah dikawal oleh pihak berkuasa sempadan Israel kecuali di sempadan Mesir – Semenanjung Gaza. Walau bagaimanapun, hanya urusan bantuan kemanusiaan, ubat-ubatan dan makanan boleh disalurkan ke Palestin melalui *Rafah Border Crossing* dengan izin, seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan Mesir.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 25 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah pegawai Kerajaan yang berijazah sarjana muda (degree) dan ke atas yang diambil oleh JPA dari 2004 hingga 2013. Nyatakan mengikut tahun dan pecahan kaum. Antaranya berapakah yang diambil dari pemegang biasiswa JPA.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR.SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik pengisian penjawat awam dalam perkhidmatan awam oleh semua pihak berkuasa melantik (tidak termasuk polis dan tentera), sehingga Mac 2014, seramai 327,065 penjawat awam lantikan tetap mempunyai kelayakan akademik ijazah sarjana muda dan ke atas. Seramai 3,749 pegawai berada dalam kumpulan Pengurusan Tertinggi manakala 323,316 pegawai berada dalam kumpulan Pengurusan dan Professional.

Sementara itu jumlah pelajar tajaan JPA yang menyertai Perkhidmatan Awam Malaysia dan bekerja sebagai pegawai Kerajaan dari 2004 hingga 2013 adalah seramai 22,493 orang.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz**
[Tanah Merah]
TARIKH : **25.3.2014**
SOALAN :

Y.B. Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setakat tahun ini berapa jumlah kes yang melibatkan tindakan melampau guru menghukum murid dan apa tindakan yang dilakukan ke atas guru terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memantau bagi memastikan tindakan guru menghukum murid secara melampau tidak berlaku. Kes begini merupakan kes yang terpencil. Sekiranya terdapat guru-guru yang bertindak demikian maka guru tersebut akan diberi teguran oleh pengetua/guru besar sekolah berkenaan. KPM juga mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) berhubung pelaksanaan disiplin sebagai langkah awal dan peringatan dalam menangani isu disiplin. Antaranya *SPI Bil. 4/1996: Pelaksanaan Kuasa Disiplin dan Hukuman*; dikeluarkan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan khususnya di peringkat sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat tahun ini, hanya terdapat satu (1) kes yang diterima oleh KPM melibatkan tindakan melampau guru menghukum murid. kes pegawai sedang diambil tindakan tatatertib oleh KPM.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK BUNG MOKHTAR RADIN [KINABATANGAN]
TARIKH : 25 MAC 2014 (SELASA)
SOALAN : Datuk Bung Mokhtar bin Radin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan: usaha serta status Projek "Periuk Nasi" Negara dalam memastikan penyediaan bekalan beras mencukupi di negara kita.

JAWAPAN OLEH : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Pada amnya, Projek 'Periuk Nasi' Negara adalah bertujuan memastikan makanan ruji masyarakat Malaysia terjamin dan mencukupi. Antara langkah yang telah diambil Kerajaan dalam meningkatkan pengeluaran padi yang seterusnya akan meningkatkan pengeluaran beras adalah seperti berikut:

- (i) pewujudan empat kawasan IADA baru;
- (ii) pelaksanaan projek-projek NKEA;
- (iii) pengukuhan infrastruktur pengairan dan saliran;
- (iv) penggunaan varieti baru dan benih padi sah;
- (v) pengamalan teknologi pertanian tepat; dan
- (vi) meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi.